

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGKAL KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 6 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)

Masa : 9.30 Pagi

**Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.**

HADIR

| Bil. | Nama | Jawatan/Ahli Kawasan |
|-------------|--|---|
| 1 | Y.A.B. Lim Guan Eng | Ketua Menteri / Air Putih |
| 2 | YB. Dato' Law Choo Kiang | Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri |
| 3 | YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon | Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak |
| 4 | YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy | Timbalan Ketua Menteri II/Perai |
| 5 | YB. Chow Kon Yeow | Padang Kota |
| 6 | YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim | Batu Maung |
| 7 | YB. Chong Eng | Padang Lalang |
| 8 | YB. Lim Hock Seng | Bagan Jermal |
| 9 | YB. Law Heng Kiang | Batu Lancang |
| 10 | YB. Phee Boon Poh | Sungai Puyu |
| 11 | YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh | Datok Keramat |
| 12 | YB. Dr. Afif Bin Bahardin | Seberang Jaya |
| 13 | YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee | Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap |
| 14 | YB. Wong Hon Wai | Air Itam |
| 15 | YB. Ong Kok Fooi | Berapit |
| 16 | YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin | Penanti |
| 17 | YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man | Permatang Pasir |

| Bil. | Nama | Jawatan/Ahli Kawasan |
|-------------|--|-----------------------------|
| 18 | YB. Tanasekharan A/L Autherapady | Bagan Dalam |
| 19 | YB. Yeoh Soon Hin | Paya Terubong |
| 20 | YB. Teh Yee Cheu | Tanjong Bunga |
| 21 | YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji | Seri Delima |
| 22 | YB. Ong Chin Wen | Bukit Tengah |
| 23 | YB. Lau Keng Ee | Pengkalan Kota |
| 24 | YB. Cheah Kah Peng | Kebun Bunga |
| 25 | YB. Lim Siew Khim | Sungai Pinang |
| 26 | YB. Teh Lai Heng | Komtar |
| 27 | YB. Yap Soo Huey | Pulau Tikus |
| 28 | YB. Soon Lip Chee | Jawi |
| 29 | YB. Lee Khai Loon | Machang Bubok |
| 30 | YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa | Batu Uban |
| 31 | YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid | Telok Ayer Tawar |
| 32 | YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad | Pulau Betong |
| 33 | YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin | Pinang Tunggai |
| 34 | YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria | Sungai Aceh |
| 35 | YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad | Penaga |
| 36 | YB. Omar Bin Haji Abd Hamid | Permatang Berangan |
| 37 | YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor | Sungai Dua |
| 38 | YB. Nordin Bin Ahmad | Bayan Lepas |
| 39 | YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah | Telok Bahang |
| 40 | YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman | Bertam |

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

| Bil. | Nama | Jawatan |
|-------------|---------------------------------------|--------------------------------|
| 1 | YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus | Setiausaha Kerajaan Negeri |
| 2 | YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman | Penasihat Undang–Undang Negeri |
| 3 | YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait | Pegawai Kewangan Negeri |

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Rashidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat bacaan doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

“Doa”.

Setiausaha:

Pengumuman oleh YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini, 6 November 2015, sebagai hari permulaan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas melalui perisytiharan bertarikh 14 September 2015, yang diwartakan pada 24 September 2015. Pada sesi ini, kita akan menimbangankan 73 soalan lisan, 574 Soalan Bertulis, dua (2) Rang Undang-undang dan empat (4) usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang (pindaan) 2015 telah diwartakan pada 24 September 2015 dan mula berkuatkuasa pada 13 Ogos 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah pun bersetuju melantik Encik Mohd Roshidi Bin Azmin, Penolong Setiausaha Kanan (Pengurusan Majlis dan Protokol) sebagai Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri mengikut Peraturan 5A, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Mesyuarat disambung.

Setiausaha:

Pembentangan risalah-risalah.

- | | | | |
|-------------------|---|---|--|
| Bil. 5 Tahun 2015 | - | Bajet Tahun 2016 Negeri Pulau Pinang | Mengurus dan Pembangunan Negeri Pulau Pinang |
| Bil. 6 Tahun 2015 | - | Bajet Tahun 2016 Negeri Pulau Pinang | Perjanjian Program |
| Bil. 7 Tahun 2015 | - | Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang | Tahun 2014 |

- Bil. 8 Tahun 2015 - Laporan Ketua Audit Negara berkaitan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 (Siri 2)
- Bil. 9 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang Tahun 2014
- Bil. 10 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai Tahun 2014
- Bil. 11 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang Tahun 2014
- Bil. 12 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang Tahun 2014
- Bil.13 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang Tahun 2014
- Bil. 14 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang Tahun 2014
- Bil. 15 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free Tahun 2014
- Bil. 16 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014
- Bil. 17 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014
- Bil. 18 Tahun 2015 - Laporan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke atas Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2013 (Siri.1) iaitu Penggunaan Dan Penyenggaraan Stadium Negeri Batu Kawan
- Bil. 19 Tahun 2015 - Laporan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Negeri Pulau Pinang Mengenai Projek Jalan-jalan Utama Dan Terowong di Pulau Pinang

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan risalah bilangan 5 hingga 19 Tahun 2015 seperti yang tersenarai dalam susunan urusan mesyuarat.

Setiausaha:

Soalan-soalan. Soalan Bertulis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan bertulis telah diletakkan di atas meja ahli yang bertanya selaras dengan sub-peraturan 15(1)(h), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang akan dimasukkan di dalam penyata rasmi.

Setiausaha:

Soalan lisan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dipersilakan Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, soalan saya adalah soalan pertama.

1. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan tanah-tanah yang dimiliki oleh 1 Malaysia Development Berhad (1MBD) tidak disalahgunakan untuk kepentingan mana-mana individu atau parti politik dan digunakan untuk manfaat rakyat Pulau Pinang sahaja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Yang di-Pertua, cadangan pemajuan tanah termasuk yang dimiliki oleh 1MDB adalah tertakluk kepada permohonan kebenaran merancang terlebih dahulu ia terletak di bawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Melalui permohonan pemajuan tersebut, kelulusan yang diberi akan dikenakan syarat-syarat tertentu yang perlu dipantau oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sehingga kini, Pihak Berkuasa Tempatan belum menerima sebarang permohonan daripada 1MDB untuk mana-mana projek pembangunan. Kerajaan Negeri akan memantau secara terperinci bagi permohonan yang melibatkan tanah 1MDB untuk mengelak daripada sebarang masalah kelak.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 2....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, soalan tambahan...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

I'm waiting for you. Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Speaker, soalan saya, soalan nombor 2.

2. Kerana terdapat kes yang telah tertunggak selama lebih satu tahun selepas memohon. Apakah tempoh kelulusan oleh PDC atas permohonan menaik taraf dan menukar lif baru dengan program 80:20 yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri? Sila nyatakan dengan teliti.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker, berkenaan soalan daripada Pengkalan Kota yang menyentuh tentang tempoh kelulusan projek-projek penyelenggaraan oleh PDC di bawah program 80:20 yang dijalankan oleh mereka. Secara umumnya, tempoh yang diperlukan oleh pihak PDC bagi melaksanakan sesuatu permohonan penukaran lif adalah selama 5 bulan sekiranya tidak terdapat perubahan pada skop kerja yang merangkumi proses kerja berikut:-

- i. Pemprosesan permohonan - 1 Bulan
- ii. Analisis dan reka bentuk projek - 1 Bulan
- iii. Proses penyediaan tender sehingga pelantikan kontraktor. - 3 Bulan

Kerajaan Negeri telah berusaha membantu untuk menjayakan projek penukaran lif secara 80:20 bagi enam unit blok di Pangsapuri Macallum. Berikutan perubahan skop kerja yang dibuat, panggilan tender bagi kerja tersebut terpaksa dibuat sebanyak tiga (3) kali dan menyebabkan ianya mengambil masa lebih daripada yang dianggarkan.

Sebagai makluman Dato' Speaker, panggilan tender yang pertama dilakukan secara serentak bagi keenam-enam blok di mana harga terendah yang di kemukakan oleh petender adalah terlalu tinggi berbanding harga anggaran yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersama saya telah dijalankan pada 13 Februari 2015 dan saya telah meminta pihak PDC untuk membuat perbandingan harga selanjutnya, memanggil semula tender tersebut. Ini memandangkan pihak perumahan juga mempunyai satu tabung 80:20 di mana diperingkat perumahan bukan PDC kita sudah pun buat banyak projek pertukaran dan penambahbaikan lif-lif dan kita dapati boleh dibuat dengan kos yang kurang daripada apa yang dikatakan oleh PDC.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, panggilan tender yang kedua telah diproses untuk diiklankan pada 5 Mei 2015 di mana tender bagi kerja penukaran lif dijalankan secara sekali gus bagi keenam-enam blok tersebut. Walau bagaimanapun, tender ini

terpaksa ditarik balik berikutan terdapat cadangan daripada mesyuarat di antara pihak PDC dan juga pihak YB. Pengkalan Kota agar tender ini dipanggil secara berasingan bagi setiap blok. Seterusnya, panggilan tender yang ketiga telah diiklankan pada 12 Oktober 2015 yang lalu dan panggilan tender dilakukan secara berasingan untuk setiap blok.

Untuk makluman YB. Dato' Speaker, iklan panggilan tender ini masih berjalan dan yang seharusnya telah ditutup pada 27 Oktober lalu telah dilanjutkan hingga 2 November yang lalu dan seterusnya akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tender PDC di mana syarikat yang berjaya akan dipilih dan proses seterusnya harga pembida yang berjaya akan dipanjangkan kepada Bahagian Pengurusan Harta, PDC untuk dijalankan proses kutipan 20% daripada penduduk setempat sebelum surat lantikan tender dikeluarkan dan untuk makluman YB. Dato' Speaker, jangka masa kerja siap untuk projek tersebut keseluruhannya adalah dianggarkan dalam masa 12 bulan dari tarikh pengeluaran surat lantikan tender. Sekian.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh YB. Datok Keramat. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah dengan prestasi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia oleh Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Pengkalan Kota atas soalan yang begitu tepat dan baik. Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia YB. Dato' Speaker kita tahu Tabung Pusat yang berobjektif untuk menyelenggara projek-projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah dan dalam usaha penyelenggaraan projek-projek ini, ia bukan untuk menjadikan projek ini lebih cantik dan sebagainya ia adalah untuk perkara-perkara yang kritikal seperti penyelenggaraan lif-lif, tangki air dan pendawaian.

Kalau kita lihat 1 blok atau skim yang mempunyai 20, 30 tingkat kalau lif rosak, itu begitu kritikal. Itu mesti kita tangani dengan secepat mungkin. Kita tidak boleh menyebabkan mana-mana kelewatan projek-projek sebegini. Namun demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, malangnya saya terpaksa melaporkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawasanya di Negeri Pulau Pinang sejak 2012 apabila Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia ditubuhkan kita ada 144 permohonan daripada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan kerana permohonan dibuat kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan akan kemukakan di ICU di Jabatan Perdana Menteri. 144 projek ataupun permohonan berapa yang diluluskan, saya katakan kritikal dan tak boleh lewat dan berapa yang diluluskan? Yang diluluskan adalah 26 sahaja. Yang diluluskan adalah 26 sahaja daripada 144 *is about* 13% ini amat menyedihkan, Kerajaan Pusat memang meminggirkan Negeri Pulau Pinang dari segi pembekalan peruntukan di bawah Peruntukan TP1Malaysia dan saya ingin melaporkan lagi satu perkara bahawasanya dalam Peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 dan Bajet 2016 dalam baru-baru ini diumumkan oleh Perdana Menteri untuk Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia dalam RMKe-11 tidak disebut, walhal program-program perumahan disebut contohnya Program PR1MA disebut.

Kalau kita lihat pada RMKe-11 apa yang disebut dengan penyelenggaraan Kerajaan Pusat ialah Kerajaan Pusat akan memupuk program-program kesedaran agar penduduk setempat menyelenggara projek mereka sendiri maka saya telah tulis banyak surat kepada pihak Kerajaan Pusat kerana ini penting mengapa ia penting kita nak tahu sama ada Program TP1Malaysia ini berterusan atau tidak. Kerana tidak disebut dalam RMKe-11. Beberapa surat telah diutuskan tetapi tiada jawapan. Mengapa ia penting kerana satu (1) kita nak tahu TP1Malaysia ini dan diteruskan dan dua (2) yang penting Yang Berhormat Dato' Speaker ini saya laporkan di Negeri Pulau Pinang kita merupakan satu-satu Negeri di Malaysia yang mempunyai satu tabung untuk menampung baki peruntukan yang hendak diberi di bawah TP1Malaysia.

TP1Malaysia ini untuk kos rendah untuk disalurkan 90% kos projek. Dan untuk Kos Sederhana Rendah akan disalurkan 70% kos projek. Di Pulau Pinang kita ada satu (1) tabung iaitu yang dikenal sebagai *Housing Assistance Programme of Penang, Yes! (HAPPY)* di mana kita memperuntukkan satu dana sebanyak RM50 juta untuk menampung baki kepada permohonan-permohonan di bawah TP-1Malaysia, maka kalau projek saya RM100 ribu kos rendah untuk buat lif RM90 ribu akan dibiayai oleh TP1Malaysia RM10 ribu 10% daripada *Housing Assistance Programme of Penang, Yes! (HAPPY)* menyebabkan penduduk di projek tersebut tak perlu mengeluarkan satu sen pun.

Yang penting kita nak tahu TP1Malaysia jalan atau tidak. Nombor 2, kalau tak jalan kita nak cadangkan kita nak buat di bawah *Housing Assistance Programme of Penang, Yes! (HAPPY)* kalau tidak dia *hanging* sahaja Yang Berhormat Dato Speaker ... (dengan izin). So, yang berita yang baiklah dan saya harap rakan-rakan saya dapat bantu saya sama-sama dapat membantu penduduk di flat-flat kos rendah dan kos sederhana rendah. Dalam Bajet 2016 Perdana Menteri TP1Malaysia diperuntukkan RM155 juta itu jawapan kepada soalan saya. Maka ia masih berterusan, tapi soalnya ialah yang baki 118 Projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang bolehkah rakan-rakan saya di situ bantu saya minta tolong Kerajaan Pusat serta merta salurkan wang ke Negeri Pulau Pinang.

Saya telah buat perhitungan daripada permohonan-permohonan yang dimasukkan yang dianggarkan kos yang akan digunakan daripada TP1Malaysia untuk baki 118 projek ini Yang Berhormat Dato' Speaker, *is only about* RM30 juta, so RM30 juta *is something duable* kerana bajet memperuntukkan RM155 juta dan RM155 juta *is for the whole of Malaysia and the whole of Malaysia, one of the highest place where* peruntukkan diperlukan untuk TP1Malaysia kerana TP-1Malaysia adalah kos rendah dan sederhana sederhana rendah *is* Pulau Pinang. *Because* Pulau Pinang mempunyai banyak *high rise* TP1Malaysia lazimnya untuk *high rise* itulah yang saya hendak jawab Yang Berhormat Dato' Speaker keadaan TP1Malaysia yang begitu menyedihkan dan saya harap rakan-rakan saya saya sebelah situ dapat buat apa yang perlu untuk rakyat Negeri Pulau Pinang. Sekian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Datok Keramat soalan tambahan saya jika kita menghadapi masalah untuk mendapat peruntukan dari Kerajaan Pusat RM155 juta seluruh Malaysia tetapi kita mempunyai RM120 juta daripada Tabung HAPPY kenapa tak terbalikkan dia 80% daripada *state government* dan 20% daripada Tabung Perumahan dan ini menunjukkan keprihatinan kita masyarakat Negeri Pulau Pinang Yang Berhormat Datok Keramat lebih tahu apa yang

dihadapi dan selama ini apa masalahnya dan daripada bajet pun kita nampak ada kutipan hasil yang banyak daripada Kerajaan Negeri so kenapa kita tak terbalikkan sahaja 20% Kerajaan Pusat dan 80% daripada Kerajaan Negeri. Kalau betul Kerajaan Negeri Pulau Pinang begitu prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia kerana TP1Malaysia itu adalah jumlah yang sedikit untuk negeri yang besar tapi kita RM150 juta Tabung HAPPY yang banyak untuk negeri yang kecil. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

First of all Ahli Kawasan Pulau Betong saya ingin memperjelaskan dan memperbetulkan ini Tabung TP-1Malaysia ini bukan 80:20 ini berlainan. Tabung 80:20 ada di Kerajaan Negeri ada di PDC di mana kita akan keluarkan 80%, *residence* perlu keluar 20% tak boleh lari kerana tak ada tabung lain yang akan menampung baki itu. Dalam tabung itu perlu *residence* keluar dengan 20% tapi TP1-Malaysia is 90% on 70% kos rendah dan kos sederhana rendah kita akan tampung 10% hingga 30%.

Soalan Yang Berhormat Pulau Betong ini tentang terbalikkannya kita kalau hendak diterbalikkannya, saya mintalah sama ada pihak di sebelah itu setuju supaya kita tak perlu bayar cukai kepada Kerajaan Pusat, setuju, kalau itu boleh diterbalikkan mungkin kita boleh terbalikkan tabung ini kerana kita bayar cukai kepada Kerajaan Pusat untuk sebab betul atau tidak? Iaitu untuk Kerajaan Pusat mengembalikan kepada rakyat dan tahukah Yang Berhormat Pulau Betong Negeri Pulau Pinang yang paling tinggi, hampir paling tinggi yang ketiga paling tinggi pembayar cukai di Negara Malaysia. Tahun dahulu RM6.8 bilion setuju atau tidak? Kalau kita boleh bayar RM6.8 bilion kepada Kerajaan Pusat melalui cukai kenapa nak diterbalikkan ini? Apa RM28 juta, RM30 juta untuk TP-1Malaysia dan kita sedia dengan Tabung HAPPY untuk terus bantu *that is why I am saying* ini tabung wujud dan ada formula dia iaitu 90%, 70% untuk keseluruhan Malaysia memandangkan pengutipan cukai daripada Kerajaan Pusat daripada negeri-negeri dan ia perlu dikembalikan melalui peruntukan sebegini seumpamanya TP-1Malaysia.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dipersilakan Ahli Kawasan Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan saya soalan nombor 3.

3. Terdapat banyak projek pembinaan kondominium akan dijalankan di kawasan Seberang Perai Tengah. Adakah infrastruktur asas seperti jalan raya, jalan-jalan dalam taman, longkang, sekolah, hospital dan lain-lain menampung kepadatan penduduk yang akan bertambah pesat pada masa hadapan?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat Dato Speaker, saya ucapkan terima kasih kesempatan menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Berapit berhubung dengan isu pengurusan lalu pengangkutan di daerah Seberang Perai Tengah khususnya di Bukit Mertajam. Yang Berhormat Dato Speaker, dalam menimbang sesuatu Permohonan Kebenaran Merancang untuk pembangunan

termasuk pembinaan kondominium. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan merujuk setiap permohonan itu kepada setiap jabatan-jabatan teknikal khususnya JKR dan Jabatan Kejuruteraan MPSP untuk mendapatkan pandangan dan ulasan bagi memastikan permohonan yang diluluskan itu menyediakan keperluan-keperluan infrastruktur-insfrastruktur asas yang mencukupi seperti jalan raya, jalan dalam taman, longkang, sekolah, hospital dan lain-lain keperluan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh jabatan teknikal masing-masing.

Sekiranya pembangunan kediaman yang dicadangkan oleh pemaju berjumlah 200 unit atau lebih, pihak pemaju akan disyaratkan menyediakan (TIA) *Traffic Impact Assessment*, yang mana ini merupakan laporan lengkap yang dapat menilai keupayaan sesuatu jalan atau cadangan jalan baru bagi menampung sesuatu pembangunan. Dengan adanya ulasan dan padangan daripada Jabatan Teknikal serta Kajian Lalu Lintas yang dilakukan oleh Jurutera Lalu Lintas yang bertauliah maka dijangka jalan-jalan sedia ada serta cadangan jalan baru kawasan SPT dapat menampung pertambahan kenderaan akibat pembangunan yang diluluskan. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak semua pembangunan akan menyebabkan kesan yang ketara kepada persekitarannya terutamanya di kawasan luar bandar. Kriteria yang memerlukan (TIA) adalah seperti berikut:

- 1) Penjanaan perjalanan waktu puncak penambahan kenderaan iaitu 150 setiap jam bagi dua (2) hala.
- 2) Penjanaan perjalanan bukan pada waktu puncak penambahan kenderaan iaitu 200 setiap jam bagi dua (2) hala atau;
- 3) *Size* pembangunan perumahan 200 unit kediaman, *size* melibatkan komersial melibatkan sekurang-kurangnya 45,000 kaki persegi.

Bagi menjawab Bahagian A soalan Yang Berhormat Berapit Perancangan Kerajaan Negeri melalui MPSP untuk memastikan jalan sedia ada dapat menampung jumlah kenderaan yang semakin bertambah usaha mencegah kesesakan lalu lintas pada masa hadapan di Seberang Perai Tengah khususnya di Bukit Mertajam adalah membabitkan beberapa cadangan untuk menaik taraf supaya dapat menampung lalu lintas yang tinggi, memandangkan *reserve* tidak dapat menampung kapasiti lalu lintas pada masa hadapan selaras dengan kehendak cadangan struktur MPSP bagi menimbang sistem hirarki jalan sedia ada di seluruh MPSP dan juga ada cadangan menaiktaraf persimpangan supaya memberi kelancaran perjalanan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak.

Selain daripada menghubungkan ke jalan utama bagi mengelakkan kesesakan dan kemalangan di persimpangan-persimpangan tersebut. Manakala melalui JKR Negeri Pulau Pinang yang telah membuat permohonan dalam RMKe-11 bagi Daerah Seberang Perai Tengah itu pun kita tak terima sama ada projek-projek ini dapat diluluskan dalam RMKe-11 kita pun harap sepertimana Yang Berhormat Datok Keramat mengharapkan rakan-rakan pembangkang yang menjadi Kerajaan Pusat dapat membantu supaya bayar permohonan-permohonan projek di bawah RMKe-11 ini dapat diluluskan. Misalnya, menaik taraf laluan persekutuan FT3111 dari Jejambat Bukit Tengah ke persimpangan Lebuhraya Butterworth Kulim, dan keduanya membina jalan dua (2) lorong kepada empat (4) lorong dari Bukit Minyak ke Bukit Tengah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan saya, memandangkan Kerajaan Negeri sedang memesat pembangunan di Bukit Mertajam tetapi dari 2008 hingga hari ini saya tak nampak ada jalan yang baru atau jalan alternatif untuk mengurangkan kesesakan jalan raya lalu lintas di Bukit Mertajam. Satu jalan kampung iaitu Jalan Besar yang saya minta Kerajaan Negeri untuk menaiktarafkan jalan kecil ini sampai hari ini pun JKR bagi jawapan kepada saya tiada peruntukkan dan saya faham sebab kalau seperti Jalan Besar, Jalan Highway yang di bawah Kerajaan Pusat pun tidak dapat peruntukan untuk membaikinya seperti di Jalan Seberang Perai yang selalu kita lalui dari rumah saya ke *service centre* saya. Tapi saya harap Kerajaan Negeri bagaimanapun dapat mencari peruntukan dari Kerajaan Negeri sendiri untuk menaiktarafkan jalan Kampung Besar yang memang diguna dengan pesatnya oleh penduduk sekitar Bukit Mertajam dan ini adalah satu permintaan KADUN Berapit.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Berapit yang membangkitkan isu yang pernah dibangkitkan dan pernah Yang Berhormat EXCO Kerja Raya memberi ulasan yang cukup teliti tetapi hakikatnya peruntukan tak cukup atau tak ada. Jalan ini merupakan jalan kampung yang dibina pada masa lampau ianya bukan di bawah seliaan JKR sebab tanah persendirian dan kalau nak buat pun perlu melibatkan pengambilan tanah dan sebagainya dan kita sedia maklum pada hari ini kos untuk mengambil tanah bagi satu-satu projek melibatkan perbelanjaan yang lebih dari projek itu sendiri, maksudnya kalau projek RM1 juta pengambilan mungkin RM6 juta dan projek RM4 juta. Itulah cabaran di Negeri Pulau Pinang dan saya percaya EXCO Kerja Raya akan susuli perkara ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Berapit, sekian.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan. Saya ingin menanyakan soalan. Adakah jalan yang dulunya dirancang, *alternative road* dari ROB Kubang Ulu dari *basically the double track parallel road* ke Sekolah Convent dari ROB Kubang Ulu *and also* ROB Kampung Tok Elongke PERDA. Apakah terjadi kepada perancangan jalan tersebut supaya jalan tersebut merupakan jalan alternatif yang tidak perlu melalui pekan Bukit Mertajam, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Perkara ini Dato' Speaker adalah perkara yang baru yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penanti saya mohon kerjasama EXCO Kerja Raya untuk memberi jawapan yang lengkap semasa perkara ini dibahaskan dalam perbelanjaan nanti.

Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Yang Berhormat Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, saya daripada awal saya cuba hendak menjadi pertanya yang pertama, tapi tak pernah dapat, selalunya Yang Berhormat Seri Delima yang dapat dulu dan saya hairan saya mesti nomor 4, nombor 5 walaupun saya rasa saya dah awal dah, tapi dia lagi awal, saya rasa dia tunggu depan komputer kot. Soalan saya adalah no. 4.

4. Apakah kebaikan tidak menyegerakan dan menggazetkan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang dan Pelan Tempatan yang baru setelah mengambaili alih pentadbiran kerajaan. Jelaskan sebab kelewatan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker ingin saya ambil kesempatan untuk menjawab soalan nombor 4 bersama-sama soalan nombor 66. Nombor 4 dari rakan saya dari Pulau Betong dan 66 ID 543 Dato' Speaker by Pulau Tikus yang adalah sama rupanya. Iaitu berkenaan status pengazetan struktur Negeri Pulau Pinang dan pelan-pelan tempatan yang baru setelah kita mengambil alih pentadbiran Kerajaan.

Dato' Speaker kelewatan dalam penyediaan kajian semula rancangan struktur Negeri Pulau Pinang 2020, dan pelan-pelan tempatan di Pulau Pinang dan Seberang Perai telah membolehkannya diselaraskan semula dengan dasar dan perancangan terkini pembangunan Kerajaan Negeri terutamanya pelan dan rancangan pembangunan negeri yang sedang disediakan seperti pindaan pelan induk pengangkutan Pulau Pinang adalah satu pelan yang baru dan begitu besar dan perlu dimasukkan ke dalam RSN mesti diambil kira. *This is something very new and has to be considered.* Sekiranya ada kelewatan pun ia adalah perlu dan juga pembangunan baru iaitu satu (1) tahun yang keseluruhan baru di Batu Kawan. Ini ialah perkara-perkara yang baru, yang berlaku yang cerah, yang cahaya yang kita lihat dalam pentadbiran baru Kerajaan Negeri kita yang perlu diambil kira dalam pindaan-pindaan yang hendak dibuat ataupun pelarasan yang hendak dibuat pada RSN dan juga pelan-pelan tempatan dan seperti mana yang saya jawab sebelum ini kepada soalan ini dan telah pun ditunjukkan kepada saya sebelum ini selain daripada perkara baru pelan induk pengangkutan dan Batu Kawan yang saya sebut tadi juga ada perkara-perkara baru yang diprintis oleh Kerajaan Negeri baru ini iaitu rancangan kawasan-kawasan khas seperti Warisan Dunia Georgetown, Taman Botani, Bukit Bendera yang mana peringkat akhir pewartaannya.

Dato' Speaker selain daripada keperluan penyelarasan perancangan dan dasar terkini kerajaan negeri yang saya sebut tadi, *which is the main factor* juga ada kelewatan dalam penyediaan pewartaan rancangan struktur negeri dan pelan-pelan tempatan kerana ada proses dan prosedur penyediaan dan pelaksanaannya perlu kita patuhi di bawah Undang-Undang, iaitu di bawah Akta 172 yang secara khususnya melibatkan bantahan awam serta beberapa siri pendengaran dan bantahan daripada orang awam. Ini saya telah nyatakan terlebih dahulu telahpun berlaku *we actually beyond that we have to go through in law*(dengan izin) Dato' Speaker, walaupun laporan-laporan tersebut masih belum diwartakan Dato' Speaker, rancangan pembangunan sedia ada yang telah diwartakan masih terpakai dan digunakan untuk mengawal aktiviti-aktiviti pembangunan di Pulau Pinang secara berterusan dan disokong dengan penyediaan garis-garis panduan untuk memantapkan lagi proses pengawalan pembangunan Negeri.

Untuk secara teliti perkembangan kajian semula pelan-pelan tempatan, *local plan*, adalah seperti berikut, Rancangan Tempatan Pulau Pinang, Deraf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020, merangkumi perancangan bagi keseluruhan bahagian Pulau yang telah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri pada 14 Januari 2010, 17 September 2010, dan 14 Februari 2012 yang telah saya sebut sebelum ini dan kini dalam peringkat deraf akhir untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri dan laporan deraf ini perlu Dato' Speaker dipamerkan terlebih dahulu oleh orang awam sebelum ia dapat diluluskan untuk pewartaan.

Nombor dua (2) Dato' Speaker Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara, Laporan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Bantahan Awam Deraf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 12/2014 bertarikh 12 September 2014 dan telah diluluskan Dato' Speaker pada 26 Januari 2015 melalui Mesyuarat Bil. 1 tahun ini. Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang membuat pindaan laporan dan pelan-pelan cadangan sebelum Deraf Rancangan Tempatan Daerah SPU ini dapat dimuktamadkan dan diwartakan dan sehingga Oktober tahun ini deraf ini masih dalam pertimbangan Jawatankuasa Perancang Negeri Dato' Speaker.

Nombor tiga (3), Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah Laporan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Bantahan Awam Dan Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah telah dibentangkan dalam Jawatankuasa Negeri Bil. 14 & 15 tahun lalu pada 17 & 20 Oktober tahun lalu, dan masih dalam peringkat pindaan dan penyelarasan isuisu teknikal oleh MPSP sebelum laporan itu dapat dimuktamadkan dan diwartakan dan sehingga Oktober 2015 deraf masih dalam pertimbangan Jawatankuasa Perancang Negeri Dato' Speaker.

Nombor empat (4) Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan ini masih dalam proses pindaan laporan dan perlu diselaraskan dalam kajian semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 sebelum ianya dimuktamadkan. Walau bagaimanapun bagi memastikan ini penting kerana perkara baru yang saya nyatakan tadi untuk Seberang Perai terutamanya kita ada Pelan Induk Pengangkutan yang saya sebut dan juga merangkumi bahagian Seberang dan *the most important* Batu Kawan, *the new township* Batu Kawan ada bagi memastikan Dato' Speaker semua Rancangan Tempatan Di Daerah Seberang Perai yang merangkumi Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan boleh digunakan kelak. Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri.

Ini saya ingin maklumkan akan mewujudkan satu alternatif untuk menggabungkan kesemua deraf rancangan tempatan bagi ketiga-tiga daerah supaya ianya lebih seragam dan terkini dan ini baru Dato' Speaker yang ingin saya maklumkan pada Dewan yang mulia ini yang akan dikenali sebagai ketiga-tiga digabungkan dan akan dikenali sebagai Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai dan cadangan ini akan dibincangkan secara bersama dengan pihak MPSP juga JPBD Semenanjung Malaysia untuk penempatan asas rujukan sebelum kita kemukakannya kepada JPN.

Jadi ini adalah jawapan saya yang mempunyai beberapa perkara baru. Ini perkaa-perkara baru, *I know* saya selalu di serang hendap apabila ditanya soalan tentang ini tetapi ada perkara yang perlu kita tangani, ada pelan-pelan baru yang dikenali, diperkenalkan yang perlu diambilkira. *We cannot run away, we cannot run away no point* minta kita percepatkan kita gazet warta dan ia adalah tidak relevan

kerana ada perkara-perkara baru yang menjadikannya tidak relevan jadi kita perlu selaraskan, seragamkannya semua dan itu laporan saya pada Dewan yang mulia, sekian Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih, saya rasa selagi mana nampak bercahaya itu bagus lah kalau tak ada cahaya susah, cuma saya rasa macam ini, benda-benda baru yang akan berlaku setiap tahun setiap bulan akan ada perkara baru, tahun depan ada lain lain lagi, tapi sampai bila nak habis ada ini? Sepatutnya setelah dua (2) penggal mengambilalih negeri sepatutnya telah ada perancangan supaya rakyat Pulau Pinang tahu Misi Dan Visi Kerajaan Negeri bukannya kita dibiarkan dalam keadaan gelap, tak nampak cahaya dan kita ada idea baru, tahun depan idea baru duk ubah lagi sampai bila? Jadi saya rasa benda ini tak patut dibiarkan berlanjutan kalau ada cahaya baru buatlah *revision* tapi paling kurang rakyat Pulau Pinang berhak untuk mengetahui arah mana yang di bawa. Sebab itu Dato' Speaker...(gangguan), soalan perbahasan nampak banyak kelulusan yang diberikan dalam mesyuarat SPC. Ini kebanyakan SPC keputusan yang dibuat dia diluar daripada skop rancangan asal. Soalan saya bilakah tarikh yang sebenarnya sepatutnya ianya disiapkan? Yang baru nak tambah lagi tapi yang sepatutnya bila kita kena buat. Dato' Speaker, *target* nya bila kita akan buat dan bila kita akan siap semua ini?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya telah sebut pada Dewan sidang yang lalu, bahawa kita harap supaya kita dapat muktamadkan awal tahun depan tetapi. Selepas sidang DUN tersebut ada perkara-perkara yang baru yang saya katakan iaitu seperti *The Transport Master Plan*, Pelan Induk Pengangkutan dan juga Batu Kawan. Saya setuju dengan rakan saya dari Pulau Betong bahawa memang selalu akan ada perkara-perkara yang baru yang akan berlaku dan kalau kita tangguhkan perkara-perkara yang baru ini ia tidak, akan berlarutan ia *become no end, we can't see the end, ...*(dengan izin), saya setuju, tapi perkara baru yang saya sebut ini adalah perkara yang begitu besar. Baru ini saya sebut Plan Induk Pengangkutan. *Transport Master Plan ...*(dengan izin), Dato' Speaker, *it is a very comprehensive master plan*(dengan izin), Dato' Speaker yang akan mengubah wajah Negeri Pulau Pinang. Dan ia perlu diambil kira dalam rancangan struktur dan pelan tempatan, perlu kerana kita apabila kita sudah muktamadkan PIP atau TMP ini ... (dengan izin) Dato' Speaker, dan kita akan tahu *alignment-alignment* kita di mana *then* baru kita boleh plan mana kita hendak *concentrate* pembangunan, jenis pembangunannya dan sebagainya. So RSN dan *local plan* ini tak boleh kita selesaikan atau muktamadkan selagi pelan induk pengangkutan yang begitu besar ini diselesaikan. Dan pelan tempatan di Seberang Perai yang saya nyatakan tadi kita ada rancangan daripada JPBD satu cadangan yang baik, satu rancangan yang digabungkan ketiga-tiga kerana *Rapid Development In Seberang* seperti rakan saya dari Padang Kota berkata *the future in Penang is on the mainland* dia sering kata begitu dan saya setuju dengan dia jadi kita perlu muktamadkan semua plan-plan ini terutamanya pembangunan *township* baru Batu Kawan sebelum kita merangkuminya semua ke dalam satu rancangan tempatan SPRTSP yang baru yang bakal kita kenali nanti. Itu jawapan saya YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. Dato' Speaker, ini bermaksud rancangan untuk pelan tempatan SPS juga belum lagi dibuat. Soalan. Adakah tidak setelah kajian dibuat ke dalam rancangan yang dibuat pelan SPS ini khususnya dimasukkan bahawa kawasan-kawasan tanah sawah bendang tidak dibenar untuk membuat pembangunan. Soalan pertama.

Soalan kedua, sebelum rancangan tebatan SPS ini selesai, siapakah yang bertanggungjawab untuk mengawal supaya tanah-tanah bendang yang perlu dengan padi ini supaya tidak wujud kerana sekarang banyak pembangunan perumahan diwujudkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Aceh untuk soalan yang baik ini. Sememangnya sepertimana yang saya nyatakan tadi Dato' Speaker, berkenaan rancangan tebatan daerah Seberang Perai Selatan yang masih dalam proses pindah laporan dan kita hendak selaraskan semula dengan RSN dan juga *especially* Seberang Perai Selatan Batu Kawan itu penting yang diambil kira. *Coming back to your question* ...(dengan izin) iaitu berkenaan tanah sawah bendang memang semua perkara, semua jenis zon tanah termasuk tanah pertanian dan di mana ada sawah padi aktif semua ini akan diambil kira apabila kita mengkaji status kawasan tanah-tanah ini yang akan bakal nanti diwartakan dalam rancangan-rancangan tempatan seperti di SPS. Memang akan diambil kira Sungai Aceh. Soalan baik yang tadi ditanya kedua iaitu sebelum pewartaan sesuatu rancangan ini siapakah yang bertanggungjawab untuk memastikan sesuatu projek atau bangunan itu dikawal *and of course* wujudkan sekali lagi dibuat pada contoh tanah sawah padi yang aktif. Jawapannya ialah Jawatankuasa Perancang Negeri. Semua projek pembangunan mesti melalui Jawatankuasa Perancang Negeri dan walaupun rancangan-rancangan tebatan belum diwartakan, tetapi ada draf-draf dan kita guna draf-draf ini sebagai satu garis panduan dan untuk rekod dan untuk makluman sungai akeh ada banyak kes ada permohonan untuk membangunkan sawah padi aktif, kita tolak terus kita tidak benarkan, *if* aktif kita tidak akan benarkan pembangunan di situ. Itu jawapan saya kepada Sungai Aceh.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

KOMTAT. Sudah habis kuota tiga. KOMTAR sila.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Dato' Speaker, soalan saya soalan lima.

5. Kawasan sekitar KOMTAR kian menjadi komuniti warga asing, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengawal situasi tersebut bagi mengelakkan bilangan warga asing terus berkembang?
 - (a) Adakah warga asing dibenarkan menjalankan perniagaan di Malaysia?

Timbalan Ketua Menteri II:

Dato' Speaker, jawapan saya. Kerajaan Negeri melalui pihak Polis sentiasa memantau aktiviti-aktiviti warga asing serta pergerakan mereka khususnya di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan mereka. Walaupun kehadiran mereka mungkin melibatkan ketidakselesaan di kalangan penduduk tempatan namun pihak Polis akan sentiasa membuat rondaan bagi memastikan keselamatan rakyat Negeri Pulau Pinang tidak terabai. Setakat ini belum terdapat rancangan khusus dalam mengawal jumlah warga asing di kawasan KOMTAR. Warga asing yang masuk ke negara ini dengan permit kerja yang dikhususkan oleh sektor-sektor tertentu tidak dibolehkan untuk menjalankan perniagaan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Apa yang berlaku sekarang ialah warganegara asing ini menjalankan perniagaan di gerai-gerai yang dilesenkan kepada warganegara tempatan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan. Terima kasih. Saya telah baca baru-baru ini kenyataan oleh Menteri Dalam Negeri yang saya kesal di mana kenyataan yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa warganegara Bangladesh atau pun warganegara asing lebih setia dan lebih boleh dipercayai kalau berbanding dengan rakyat Malaysia dalam kerja-kerja yang melibatkan umpamanya seperti menjaga tempat pembayaran selepas kita *cashier* dan sebagainya di stesen-stesen petrol. Adakah boleh dalam apa-apa cara mengawal kemasukan warga-warga asing ke Pulau Pinang dan juga dalam masa yang sama adakah Kerajaan Negeri juga berhubung dengan Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa untuk tanya apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk membenarkan warganegara asing masing ke negara ini dan untuk makluman saya juga ingin tanya berapakah penduduk atau pun pelarian-pelarian Rohingya yang telah ditempatkan di Pulau Pinang kerana kita juga lihat bahawa Menteri Dalam Negeri juga telah mengumumkan lebih kurang tiga (3) empat (4) hari yang lalu bahawa Pulau Pinang akan menjadi tempat untuk penempatan semula warga Rohingya jadi saya khuatir kemungkinan ini akan menyebabkan banyak masalah sosial ekonomi kepada Pulau Pinang. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Seri Delima. Jadi kita dengar ucapan Timbalan Perdana Menteri bahawa Kerajaan Malaysia ini akan membawa 1.5 pekerja daripada Bangladesh dan mungkin dari pandangan saya bilangan pekerja asing di Malaysia ini sudah meningkat lebih kurang 30% dari jumlah pekerja Indonesia. Jadi kenyataan ini mungkin sampai di Parlimen atau pun di luar. Baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri katakan bahawa jangan salahkan pekerja daripada Bangladesh mereka rajin, setia dan sebagainya. Saya sebenarnya tidak mahu mempersoalkan tingkah laku pekerja asing seperti daripada Bangladesh, tapi saya cuma mempertikaikan dasar oleh Kerajaan Pusat yang membawa pekerja-pekerja asing ke Malaysia ini mungkin sudah sampai satu (1) tahap yang saya rasa begitu tinggi. Jadi Kerajaan Negeri di sini tidak ada apa-apa kawalan sebab ini adalah satu dasar ini di bawah Kerajaan Pusat. Jadi saya rasa implikasinya apabila membawa pekerja asing bukan saja dari Bangladesh tetapi dari tempat-tempat lain saya rasa ini akan meningkatkan bilangan pekerja asing dan di Pulau Pinang saya rasa walaupun pihak Polis dan PBT sentiasa mengawal di kawasan KOMTAR dan lain-lain tapi saya nampak sendiri bahawa banyak kedai-kedai bukan saja oleh pekerja

Bangladesh tetapi dari pekerja asing lain yang menjalankan perniagaan, sama ada mereka menjalankan perniagaan ini mereka dapat lesen atau mereka menggunakan lesen warganegara saya pun tidak pasti, tapi memang saya rasa, saya di sini saya tidak salahkan pekerja asing mereka adalah dalam situasi yang terdesak mungkin gaji mereka pun tidak cukup daripada majikan-majikan dan menjalankan perniagaan ini, tapi di sini saya syorkan dasar. Kenapa Malaysia ini Kerajaan Pusat lagi membawa 1.5 juta pekerja asing Bangladesh ke Malaysia dan juga Timbalan Perdana Menteri mungkin dia rasa lebih selesa dengan pekerja Bangladesh sama ada abang atau adik dapat kontrak saya pun tidak pasti untuk membawa pekerja daripada Bangladesh.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat Perai belum menjawab soalan saya. Adakah setuju bahawa rakyat Malaysia tidak setia dan tidak boleh dipercayai. Itu soalan saya berbanding dengan warganegara Bangladesh.

Timbalan Ketua Menteri II:

Itu pandangan Timbalan Perdana Menteri kita tidak setuju itu. Saya rasa kalau begitu pekerja Bangladesh ini lebih setia lebih, baik bawa semua ke sini menjalankan perniagaan mungkin boleh bagi mereka kerakyatan warganegara, wakil rakyat dan sebagainya. Jadi di sini saya tidak mahu menyalahkan mereka pekerja asing tapi ini masalah dasar. Masalah Rohingya ini mungkin beberapa bulan ini menjadi isu kontroversi dan Pulau Pinang saya rasa Ketua Menteri telah bertanya kita mahu maklumat yang sebenar sebelum kita boleh melakukan kerjasama dengan pihak Kerajaan Pusat tapi saya dengar bahawa bilangan saya tidak pasti, berapa orang pelarian daripada Rohingya telah ditempatkan tapi mereka tidak ditempatkan di Pulau Pinang itu saya tahu. Sama ada mereka ditempatkan di Kedah atau negeri-negeri lain saya belum dapat fakta yang sebenarnya. Jadi isu pekerja asing ini bukan satu isu, ini adalah satu isu dalam di kalangan kesatuan sekerja di mana mereka rasa pekerjaan mereka sendiri dijejaskan apabila ramai pekerja asing ini masuk Malaysia. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Duduk. Sedikit peringatan. Tadi Seri Delima telah tanya habis tiga soalan. Mungkin kerana tadi soalan nombor satu (1) dia tidak sempat tanya dia sudah guna kuota tiga so saya hendak...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Speaker saya minta maaf pagi tadi saya *miss oriented* kerana saya terpaksa pergi ke mahkamah....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh dimaafkan cuma hendak peringatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat seboleh-bolehnya kalau bila sampai soalan tambahan tanya satu (1) bagi peluang untuk rakan-rakan yang lain. Kalau tidak tiga soalan sudah habis ditanya. *Sorry*. Telok Ayer Tawar, sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, soalan saya adalah nombor 6.

6. Sepanjang 2015 ini apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah gejala dadah di Institusi Pendidikan. Adakah program ujian/saringan air kencing dibuat di sekolah-sekolah kebangsaan, swasta dan lain-lain institusi pendidikan dan apakah hasilnya? Dan apakah tindakan yang diambil ke atas pelajar yang positif dan program jangka panjang untuk menangani masalah ini?

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar. Jawapan saya adalah begini. Sepanjang Januari ke September 2015 tindakan yang telah diambil oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk menangani masalah dadah di institusi pendidikan ialah mengadakan pameran anti dadah, ceramah mengenai bahaya dadah, program insonvensi kepada pelajar yang berisiko sebanyak 80 pameran anti dadah telah diadakan di institusi pendidikan dan 52 ceramah anti dadah turut diadakan. Program saringan awal ujian kencing turut diadakan di sekolah-sekolah kebangsaan dengan kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang manakala bagi sekolah swasta dan lain-lain institusi pendidikan pihak AADK akan adakan program saringan awal kencing berdasarkan permintaan dari segi pihak pengurusan pihak sekolah swasta dan lain-lain institusi pendidikan. Seramai 3,341 orang pelajar sekolah menengah daripada 90 buah sekolah di seluruh Pulau Pinang telah menjalani saringan awal ujian air kencing yang diadakan dari Januari hingga September 2015. Bagi pelajar positif saringan awal ujian air kencing pelajar tersebut akan mengikuti kem intensif iaitu Kem Shell Sayang Hidup ialah berita selamanya yang dianjurkan oleh AADK dengan kerjasama pihak jabatan pendidikan Negeri Pulau Pinang selama empat (4) hari tiga (3) malam. Selepas itu program insonvensi akan diadakan iaitu sesi perjumpaan pelajar dengan guru kaunselor ibu bapa dan penjaga pengawal unit pendidikan pencegahan dadah (PPDA) Jabatan Pendidikan Negeri dari pegawai AADK akan diadakan di sekolah yang terlibat. Selepas itu pihak sekolah akan membuat pemantauan secara berkala terhadap pelajar tersebut.

Bagi pihak PDRM apabila aduan atau maklumat diterima dari pihak sekolah atau orang ramai tentang pelajar yang disyaki terlibat dengan penyalahgunaan dadah ujian saringan air kencing akan dibuat sepanjang tempoh Januari hingga September 2015 jumlah pelajar yang ditangkap terlibat dalam penyalahgunaan dadah adalah seramai 46 orang. Untuk program jangka masa panjang pihak Polis Malaysia merangka mengadakan ceramah dan pameran dengan tujuan mencegah dan memberi kesedaran tentang bahaya dadah kepada para pelajar sekolah.

Selain itu PDRM juga ingin mencadangkan supaya diadakan pendidikan khas pencegahan penyalahgunaan dadah dari peringkat awal sekolah lagi. Pendidikan tentang bahayanya penagihan dadah harus dimasukkan dalam silibus pendidikan agama dan mata pelajaran Moral atau Sivil serta kokurikulum sekolah mengikut kesesuaian peringkat umur pelajar agar maklumat tersebut mudah diterima dan difahami. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Ahli Perai. Saya hendak tanya dari jumlah 3,341 pelajar yang telah dibuat saringan berapa peratuskah atau berapa jumlah yang positif? Ada yang positif tadi sebut tapi jumlah? Saya dimaklumkan bahawa jumlah pelajar-pelajar yang positif ini ramai dan sedang meningkat walau pun kempen mencegah atau pun anti dadah ini telah lama dijalankan dan berterusan tetapi kita masih lagi menghadapi keadaan yang meruncing, meningkat dan menjadi serius. Kalau tidak diambil usaha yang secara holistik dan bersungguh-sungguh, kita akan menghadapi masalah generasi baru kita yang mana akan terjebak di dalam masalah dadah ini. Jadi usaha yang telah dijalankan tadi memang baik melibatkan PDRM dan AADK tapi pihak PIBG juga, pihak sekolah juga mengambil perhatian yang berat dan berusaha dari peringkat awal untuk mengawal dan mengatasi dan mencegah serta intervensi tadi supaya masalah ini tidak meningkat dan kalau Pulau Pinang boleh melaporkan bahawa kadar jenayah menurun. Kita inginlah mendapat laporan bahawa kadar penagihan dadah ini menurun di Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar. Saya setuju bahawa masalah dadah ini satu yang saya rasa begitu serius dan secara kasar mungkin saya boleh nyatakan bahawa ini mungkin meningkat tapi kita juga melalui Mesyuarat Keselamatan, kita juga dapat sebulan sekali maklumat terbaru bagaimana penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar dan juga mungkin walaupun ia tidak khusus kepada sekolah sajalah. Tapi di sekolah ini amat penting sebab ini adalah pelajar-pelajar yang saya rasa yang mungkin mudah dipengaruhi oleh *peer* dan sebagainya. Jadi bilangan yang kita ada inilah yang kita dapat dari maklumat yang kita dapat, mungkin dia sudah meningkat atau tidak saya tidak begitu pasti tapi tanggapan adalah bahawa ini adalah satu yang perlu di kawal secara lebih efektif apabila kita melibatkan bukan sahaja pihak sekolah, pengurusan sekolah, dengan AADK tapi juga melibatkan ibu bapa melalui PIBG itu memang. Saya rasa pengawalan perlu diperincikan dan kemudian kita *involve* lah pelbagai parti. Tapi walaupun saya rasa Kerajaan Negeri kita pun ada memang kita ada *limitation* dari segi AADK adalah dibawah Kerajaan Persekutuan dan PDRM juga Persekutuan dan sekolah, saya rasa kita sendiri tidak boleh kuasa sekolah. Katakanlah kita minat untuk menangani masalah ini, kita pun rasa ada masalah apabila ini mungkin dari segi dasar, dari segi apa yang kita boleh buat apa yang kita tidak boleh buat. Saya rasa Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk membantu proses ini di mana kita akan mengurangkan penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar-pelajar terutamanya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan tambahan Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih Dato' Pengerusi. Boleh saya tanya satu (1) soalan bahawa selain daripada dadah ini, di sekolah saya juga difahamkan ada isu-isu macam buli dan juga seks aktiviti yang berlaku di kalangan sekolah. Adakah ini juga diambil tindakan dan siasatan.

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Ahli daripada Tanjong Bunga. Isu masalah buli ini dan juga masalah seks. Saya rasa rakan saya YB. Chong Eng mungkin lebih tahu tentang isu-isu ini, tapi walau bagaimanapun saya rasa ini bukan saja masalah dadah, mungkin ada masalah lain seperti buli dan juga di kalangan remaja, isu masalah seks dan sebagainya. Tapi saya tidak ada sekarang, angka-angka untuk menunjukkan betapa pentingnya, betapa seriusnya masalah ini. Jadi walaupun saya tidak saya menerima ini bahawa buli ini satu fenomena buli adalah satu isu bukan sahaja di sekolah-sekolah tapi juga di institusi-institusi seperti universiti dan juga institusi pengajian tinggi yang lain. Ia merupakan satu masalah yang perlu kita tangani. Terima kasih.

Ahli Kawasan Perai (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan, sedikit sahaja, baru *warm up*, terima kasih.

Adakah Kerajaan Negeri bersetuju untuk membenarkan *electronic cigarettes* kerana ini adalah satu lagi yang juga menyumbang kepada peningkatan aktiviti penagihan dadah. Untuk maklumat Yang Berhormat, ada juga *flavor-flavor*, lebih kurang 752 *flavor* yang boleh digunakan dan salah satu *flavor* adalah, saya baca dalam internet, kalau kita hisap rokok boleh bau dalam tangan, kalau guru-guru boleh bau tangan mereka boleh mengesan, tapi *electronic cigarettes* ini tak boleh. Dan didapati, kajian baru mendapati bahawa dadah juga boleh digunakan dalam *electronic cigarettes*. Jadi Kerajaan Persekutuan pada awalnya memaklumkan akan melarang sama sekali, pengumuman oleh Menteri Kesihatan tapi selepas itu diumumkan tidak akan melarang sama sekali. Jadi adakah Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah yang lain untuk mengawal kerana ibu bapa memerlukan tindakan segera yang efektif diambil kalau tidak boleh menyebabkan banyak masalah. Apakah pandangan Yang Berhormat? Soalan saya adakah akan dilarang sama sekali?

Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Ahli daripada Seri Delima. Saya rasa kita sama ada kita ada kuasa untuk melarang atau mengharamkan rokok termasuklah rokok elektronik, itu saya rasa boleh dibincangkan, tapi selama saya rasa 6 tahun kita juga ada kempen anti rokok yang telah dijalankan oleh di bawah MMK Kesihatan dan dibawah YB. Phee Boon Poh, belum sampai lagi dan juga YB. EXCO daripada Seberang Jaya. Jadi mungkin saya rasa isu ini, rokok, mana-mana sama ada rokok, minuman yang menjejaskan saya rasa kesihatan ini saya rasa Kerajaan Negeri pun memang kita ada ambil perhatian tapi belum sampai ke satu peringkat di mana kita mahu ambil suatu tindakan yang begitu keras sekali. Jadi disini pengasingan kuasa, ada kuasa *federal* dan kuasa Negeri amat penting kita perlu sentuh apakah, bagaimana pembahagian kuasa sama ada kita boleh lakukan atau tidak. Tapi saya rasa, permulaan adalah di mana kita boleh buat kempen terhadap penghisapan rokok di kalangan remaja dan juga rokok elektronik yang kita

baca hari demi hari dalam media. Bahayanya penghisapan rokok elektronik. Jadi saya setuju dengan Seri Delima bahawa ini sesuatu yang tidak elok, tidak memberi yang saya rasa akan merosak kesihatan. Saya rasa Kerajaan Negeri pendiriannya begitu jelas sekali. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker, soalan 7, soalan saya.

7. Sila nyatakan jumlah pelancong yang datang melawat Negeri Pulau Pinang setiap tahun dari tahun 2010 hingga 2015.
 - (a) Sila nyatakan statistik pelancong-pelancong yang datang melawat Negeri Pulau Pinang mengikut negara (5 negara utama) setiap tahun dari tahun 2010 hingga 2015.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Dewan yang mulia. Saya memohon untuk menjawab soalan yang ketujuh. Berdasarkan statistik daripada *Tourism Malaysia*, jumlah pelancong yang telah mengunjungi Pulau Pinang daripada tahun 2010 sehingga suku tahun pertama 2015 adalah berjumlah 31,076,737 orang pelancong. Seramai 15,878,218 orang adalah pelancong tempatan dan selebihnya adalah pelancong asing. Pada tahun 2010, bilangan pelancong tempatan ialah 2,942,544 orang berbanding dengan pelancong asing seramai 3,048,320 orang. Pada tahun 2011 bilangan pelancong tempatan adalah seramai 2,956,390 orang berbanding dengan pelancong asing berjumlah 3,063,564 orang, ini semua akan diberikan dalam jadual.

Walau bagaimanapun, bagi tahun 2012, pelancong tempatan ialah seramai 2,996,282 orang berbanding dengan pelancong asing yang berjumlah 3,096,907 orang manakala bagi tahun 2013 pula terdapat seramai 2,639,142 orang pelancong tempatan berbanding dengan 2,062,917 pelancong asing. Statistik bagi tahun 2014 pula menunjukkan 3,617,170 orang pelancong tempatan berbanding dengan pelancong asing 3,230,399 orang. Bagi suku tahun pertama 2015, bilangan pelancong tempatan berjumlah 726,650 orang dan seramai 696,412 orang pelancong asing. Jumlah pelancong asing yang datang melawat Negeri Pulau Pinang mengikut 5 negara utama dari tahun 2000-2014 adalah yang pertama, Indonesia, Ke-2, Singapore, Ke-3, China, Ke-4, Jepun dan yang Ke-5, Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, saya tambah lagi yang ke-6 Taiwan, yang ke-7 Australia, yang ke-8 Thailand, yang ke-9 United Kingdom dan yang ke-10 India. Manakala dari Januari hingga Ogos 2015, jumlah pelancong mengikut lima (5) negara utama yang melawat Negeri Pulau Pinang ialah Indonesia, Singapore, China, Jepun dan yang kelima adalah Taiwan. Seramai jumlah pelancong dari lima (5) negara utama adalah seperti di lampiran yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat. Jadi, inilah jawapannya.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan YB. Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Adakah pelancong-pelancong yang datang untuk mengunjungi ke Negeri Pulau Pinang ini adakah kita membandingkan statistik-statistik tersebut semasa zaman pimpinan Kerajaan Barisan Nasional pada sebelum tahun 2008. so adakah selama tujuh (7) tahun ini kita bandingkan tujuh (7) tahun sebelum tahun 2008 sama ada statistik-statistik ini lebih baik ataupun pencapaian-pencapaian lebih baik di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Memang dalam kalangan lima (5) tahun ini, pelancong-pelancong asing atau pelancong tempatan lebih bertambah berbanding dengan dahulu di mana kita boleh nampak banyak hotel-hotel yang baru telah pun didirikan dan juga statistik-statistik dari lapangan terbang juga menunjukkan bertambah ganda.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sebelum itu, tadi jumlah untuk, yang saya catat untuk 2013 mungkin boleh minta Batu Lintang supaya semak mungkin ada silap sebut. Untuk 2013 yang catatan saya yang antarabangsa cuma 2,062,917. adakah ia betul? Mungkin 3 juta kut..

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

2013... (gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

2013 antarabangsa.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Antarabangsa adalah 2,062, yang ini terbalik, terbalik. Untuk tempatan, 2,636,182, tempatan, betulah di sini dan untuk pelancong asing 2,062,917. Catatan pun betul dan di dalam lampiran.

Ahli Kawasan Pinang Tunggai (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Batu Lintang. Sekejap betul, sekejap terbalik, bagaimana Batu Lintang? Soalan saya, soalan tambahan. Kita tahu Negeri Pulau Pinang adalah negeri pelancongan dan banyak menerima pelancong di sebelah Pulau. Kadang-kadang kita memahami bahawasanya di bahagian Pulau ini memang ada banyak produk-produk pelancongan, tetapi untuk di sebelah Tanah Besar kita nampak jelas kurang. Jadi soalan saya apakah peranan, tugas dan juga tanggungjawab yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri untuk membawa pelancong ke sebelah tanah besar? Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Seberang Perai ya Yang Berhormat? Memang kita ada banyak perancangan untuk membawa pelancong-pelancong dari Pulau ke Seberang khususnya *homestay-homestay* yang dalam 2 tahun ini banyak program kerana pelancong-pelancong asing dari Negara Jepun dan Korea memang suka *homestay* di Seberang. Untuk tahun ini kita juga ada buat Pesta Durian bukan sahaja membawa orang tempatan dari negeri lain tetapi juga penduduk Pulau juga pergi ke Seberang. Ini adalah cara yang baru dan untuk tahun depan kita pun merancang akan membawa pelumbaan Perahu Naga yang bukan sahaja dibuat di Telok Bahang tetapi buat di Mengkuang Titi selepas siapnya Mengkuang Dam pada awal tahun depan. Banyak lagi rancangan seperti di kawasan Batu Kawan, ada *Premium Outlet* iaitu *branded shop* akan disediakan pada akhir tahun depan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Dilaporkan tadi banyak pelancong datang dan mungkin rekod-rekod ini didapati daripada pelancong-pelancong yang menginap di hotel. Mungkin yang menentukan jumlah pelancong itu tadi, tetapi adakah tidak diambil kira pelancong-pelancong yang menginap di *homestay* yang merupakan juga pelancong dari luar dan dalam. Soalan 1. Soalan 2, sejauh manakah Kerajaan Negeri memberi bantuan kepada industri *homestay* ini di peringkat kampung-kampung terutamanya di kawasan Sungai Aceh, Sungai Setar, Sungai Duri termasuk Jawi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Kalau YB. Sungai Aceh masih ingat dalam sesi Dewan yang lalu, saya sudah sebut bahawa kita ada pertandingan *homestay* di mana RM10,000 telah diberikan kepada yang pertama, yang kedua, yang ketiga dan seterusnya dan juga kita telah mengadakan dua (2) program *homestay* di Kota Aur dan juga baru-baru ini Lahar Yoi. Jadi kita rancang dalam tahun depan, kita ada buat *homestay* karnival di Sungai Aceh kalau boleh dan juga memang hotel-hotel yang baru bukan sahaja terdiri di Pulau, tetapi sekarang kita boleh nampak hotel-hotel yang baru seperti The Light di Seberang Jaya, The Exora. Apabila kita mempunyai hotel-hotel yang lebih rancak, saya rasa kita boleh senang menarik pelancong-pelancong asing untuk membawa mereka ke seberang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Yang Berhormat tidak mengendahkan nasihat saya. YB. Sungai Aceh sudah menggunakan 2 soalan. Sila Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Dato' Speaker, soalan saya, soalan nombor 8.

8. Sila nyatakan langkah-langkah atau rancangan yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri untuk memerang masalah denggi?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan. Kes demam denggi di Negeri Pulau Pinang terus mencatatkan peningkatan pertumbuhan yang membimbangkan. Sehingga minggu yang ke-41 yang berakhir pada 17 Oktober 2015, sebanyak 13 kes kematian telah direkodkan yang menunjukkan peningkatan sebanyak 147% kes berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan, Portfolio Kesihatan sama ada melalui Jabatan Kesihatan Negeri atau MMK sendiri melalui inisiatif yang telah dan sedang dibuat seperti berikut:

Pertama, pengaktifan mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Khas Denggi di peringkat Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa ini berperanan dalam menyelaraskan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi bersama agensi lain secara bersepadu dengan pendekatan *National Blue Ocean Strategic*. Usahasama dan pengkongsian kepakaran di antara Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri dalam memantau dan menghapuskan *hot spot denggi*. Operasi tapak binaan telah dijalankan memandangkan indeks aedes dan density atau kepadatan yang tinggi di tapak pembinaan. Sebanyak 11 operasi telah dijalankan sepanjang Januari sehingga September 2015.

Pengenalan operasi seperti Ops Kilang, Ops Kedai Barang Luluh, Ops Tanah Kubur dan Ops Tapak Semaian yang merupakan lokasi berpotensi sebagai tempat pembiakan nyamuk aedes. Pengenalan syarat kelulusan kebenaran merancang dan bangunan-bangunan yang lebih ketat oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada pemaju bagi memastikan kebertanggungjawaban pemaju menyelia tapak projek. Menjalankan gotong-royong perdana Penang Sihat pada 25 Januari 2015 di 40 *locality* serentak dan juga pada 17 Mei 2015 di 40 *locality* serentak dan dirancang pada 24 Oktober 2015 yang lalu di 26 *locality* termasuk di tanah lapang tetapi terpaksa ditangguhkan akibat jerebu yang melanda Negeri Pulau Pinang.

Selain itu Kerajaan Negeri juga bersama Jawatankuasa Pencegahan Denggi Peringkat Negeri Pulau Pinang telah meningkatkan penglibatan komuniti dengan penubuhan pasukan-pasukan baru COMBI atau *Communication For Behavior Impact* dan mengaktifkan pasukan-pasukan COMBI yang telah lama wujud. Taklimat kesedaran COMBI dan juga konvensyen peringkat negeri telah dilaksanakan dan taklimat-taklimat telah diadakan di semua daerah di Negeri Pulau Pinang melibatkan JKKKN, JKKKP dan KRT.

Selain daripada program di atas, MMK Kesihatan telah melancarkan program-program penggredan kampung atau taman yang dipelopori oleh COMBI. Program ini bertujuan untuk mengklasifikasikan rumah di dalam sesebuah perkampungan atau taman mengikut tahap kebersihan dan bebas dari pembiakan nyamuk aedes. MMK Kesihatan juga dalam proses penilaian untuk meneruskan program *Mosquito Magnet* yang terhenti akibat harga tawaran pembekal yang tinggi. Selain itu, MMK Kesihatan dalam penilaian menjalankan program perintis *Auto Sidle Track*.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan. Semasa Mesyuarat Tindakan Daerah, doktor dari Jabatan Kesihatan memberitahu yang penyakit denggi banyak datangnya daripada sampah, kereta-kereta yang lama dan juga kilang-kilang nyamuk denggi di bangunan-bangunan yang memang dipanggil sebagai kilang nyamuk sebab dia punya air banyak sangat bangunan terbiar. Jadi saya nak tanya, selain daripada usaha-usaha gotong-royong dan juga *ad hoc* program, maknanya denggi telah berlaku, kematian telah berlaku baru buat program untuk sudah diklasifikasikan sebagai tahap merah ke, biru ke macam itu, tetapi rasanya disebabkan sekarang ini di pihak MPSP tidak ada lagi pembersihan berjadual disebabkan tidak ada kontraktor-kontraktor sampah yang membuat pembersihan berjadual. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat pembersihan yang lebih *significant* bukan setakat gotong-royong dan juga bukan setakat program-program *ad hoc* tetapi satu program yang berterusan di mana jadual pembersihan dilakukan, rumput-rumput dipotong, di taman-taman dan juga untuk Pejabat Daerah, saya nak mohon tanya pada Kerajaan Negeri adakah akan ditambah peruntukan untuk membuat pembersihan parit dan tapak-tapak di mana nyamuk denggi ini boleh membiak dan juga di bangunan-bangunan terbiar, di mana doktor-doktor kesihatan kata mereka ini, bangunan terbiar ini adalah kilang-kilang nyamuk aedes. Jadi ini rasanya fungsi MPSP dan juga lain-lain agensi kerajaan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Kawasan Penanti. Memang kita daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pencegahan dan juga Kawalan Penyakit Denggi peringkat negeri telah mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi di peringkat daerah dan juga di akar umbi yang mana tempat-tempat ini termasuk sebagai contoh di bangunan-bangunan terbiar yang sebenarnya ada pemilik selalunya bangunan-bangunan ini jika didapati ada tempat pembiakan nyamuk aedes akan dikeluarkan notis dan akan disaman pemilik-pemilik bangunan atau kawasan ini. Buat masa sekarang banyak tempat-tempat pembuangan sampah haram yang juga menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes yang mana pihak majlis terutamanya PBT, pihak MPSP dan MBPP telah melaksanakan proses-proses kerja-kerja pembersihan yang sepatutnya bukanlah di dalam tugas hakiki mereka tetapi kerana atas dasar untuk menjaga kepentingan awam maka dilaksanakan proses pembersihan ini.

Program peningkatan kesedaran di kalangan masyarakat itu memang sering dibuat baik di peringkat pusat dan juga di peringkat negeri. Bahkan iklan-iklan di televisyen juga kita dapat lihat bercerita tentang isu denggi. Sebagai contoh di Negeri Pulau Pinang, pada tahun lepas kita hanya ada 11 kematian. Tahun ini belum habis hujung tahun kita sudah ada 13 kematian sehingga 17 Oktober yang lepas. Jadi ini menunjukkan betapa serius penyakit denggi ini. Tetapi ia masih memerlukan usaha dan juga kesedaran daripada komuniti untuk sama-sama menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes ini. Pertama.

Keduanya menjaga kebersihan kawasan rumah dan juga di sekeliling persekitaran taman yang mana kempen yang kita laksanakan adalah 10 minit sekali setiap minggu untuk melihat dan juga memeriksa persekitaran rumah dan juga persekitaran taman.

Ketiganya, kita juga telah melancarkan satu program di mana dipanggil program repellent, memakai repellent. Ini untuk mereka yang terutamanya berjalan kaki dan juga menggunakan motosikal atau keluar kerja waktu awal pagi jam 6 pagi dan balik kerja lewat petang waktu nyamuk ini paling aktif. Jadi kita minta supaya masyarakat menggunakan repellent. Dulu repellent ini pakai semasa hendak masuk camping di hutan sahaja, sekarang ini setiap waktu kena pakai repellent supaya kita harap boleh mengelakkan daripada nyamuk ini menggigit kita. Kemudian kita galakkan juga untuk pakai pakaian yang warna terang. Warna hitam dan biru gelap jangan pakai. Betul, dalam buku ada tulis. Warna jingga boleh, warna kuning boleh, hijau pun boleh, merah macam saya pun boleh. Biru gelap tidak boleh. Itu tidak berapa gelap, boleh kot.... (ketawa). Jadi ini usaha-usaha yang kita perlu lakukan dan saya seringkali tekankan dalam kempen kita bahawa usaha mencegah denggi ini bukan usaha kerajaan sahaja, bukan usaha pihak PBT sahaja, bukan usaha wakil rakyat sahaja, usaha semua anggota komuniti untuk sama-sama untuk mengegah penularan wabak denggi.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. Disebut tadi Yang Berhormat Seberang Jaya ada menyebut di antara aktiviti untuk membasmi soalan denggi tadi mengadakan gotong-royong. Bagi saya gotong-royong ini merupakan sebagai satu aktiviti biasa. Mungkin nak menimbulkan kesedaran atau mungkin nak menampakkan kepada rakyat bahawa Kerajaan Negeri prihatin, ambil berat tentang soalan masalah denggi. Tapi yang lebih penting Dato Speaker ialah penguatkuasaan. Jadi saya nak bertanya Seberang Jaya, dari segi penguatkuasaan, berapa notis telah dikeluarkan? Berapa jumlah saman yang telah diketuarkan? Dan sekiranya PBT yang membuat kesalahan kerana sampah tak kutip menyebabkan nyamuk banyak. Adakah Seberang Jaya keluar saman atau notis kepada PBT? Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya kerja EXCO tak boleh keluar saman sendirilah. Tapi, untuk makluman Yang Berhormat Sungai Acheh, memang penguatkuasaan dan saman, kompaun, tutup tapak binaan semua telah dilaksanakan. Saya ada figure dia. Tetapi, bukan di sini, nanti saya akan beri berapa jumlah. Memang ada soalan Dewan menanyakan berapa jumlah kompaun yang telah kita keluarkan. Dan ada juga tindakan mahkamah telah diambil kepada pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan-kesalahan ini. Dan pihak Majlis selalunya memberi kerjasama bila ada saja aduan tentang masalah sampah yang tidak diangkat atau masalah sampah-sampah haram. Yang ini yang mana saya sebut tadi tidak terjatuh di bawah bidang kuasa Majlis. Tetapi Majlis telah mengambil tindakan untuk membersihkan kawasan-kawasan ini.

Bangunan-bangunan kerajaan selalunya kita lebih mudah berhubung, baik Bangunan Kerajaan Persekutuan mahupun Bangunan Kerajaan Negeri yang mana bila ada kita kenal pasti masalah hotspot ada masalah pembiakan nyamuk aedes, kita maklum agensi-agensi ini akan dengan segera mengambil tindakan. Yang selalu jadi masalah, adalah tanah milik persendirian atau bangunan-bangunan milik persendirian. Ini yang menjadi masalah, yang kita perlu keluarkan notis, keluarkan kompaun, keluarkan saman. Soalnya bukan soal penguatkuasaan saja gotong royong itu kita buat itu sebagai satu usaha juga. Selain, saya setuju untuk meningkatkan kesedaran, tapi juga kita nak melibatkan komuniti kerana seolah-olah sekarang ini tentang isu denggi ini kalau orang yang pernah kena denggi dia tahulah macam mana siksa dia. Tetapi tak

ramai orang lagi kena denggi. Yang lain tak kena denggi dia tak rasa. Jadi dia tak nampak kepentingan untuk turut sama turun membantu untuk membersihkan kawasan-kawasan ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Terima kasih Dato' Speaker. Saya cuma nak bertanya. Apakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menggunakan pihak pakar-pakar luar berhubung dengan masalah penyakit denggi ini? Kerana kita dapati kita telah pun menjalankan kerja-kerja pembersihan, kerja-kerja gotong royong dan sebagainya dan kita rasa kita telah turun ke akar umbi kita dah bagi kesedaran kepada rakyat dan sebagainya. Tetapi penyakit ini masih lagi diperingkat yang bukan kata semakin berkurangan tetapi semakin bertambah. Dan hari ini kita tengok Singapura, Hong Kong dan negara-negara lain juga telah mendapat masalah denggi ini. Jadi apakah penyelesaian apa nama mutakhir bagi melihat membendung supaya penyakit denggi ini satu penyakit yang sangat merbahaya, kalau bagi mereka yang dah kena, mereka akan tahu. Bagaimana Kita nak cari satu formula yang lebih lebih terperinci kerana kita sudah guna kaedah Jabatan Kesihatan semua kaedah kita sudah gunakan. Naik ke atas bumbung cari. Tapi penyakit ini masih lagi. Masih lagi menjadi satu penyakit yang tak dapat kita basmi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Bayan Lepas. Pihak Kerajaan Negeri selalunya berhubung dan juga mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Kesihatan Negeri yang akan dinasihatkan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan juga Kerajaan Pusat. Dan kita juga ada berhubung dengan pakar-pakar lain untuk turut datang bersama berbincang dan juga memperkenalkan idea-idea mereka yang baru, tetapi kita masih belum dapat lagi satu idea yang betul-betul dapat menunjukkan bahawa mereka berjaya untuk menyelesaikan masalah denggi ini. Cuma satu inovasi yang telah dibuat oleh Pasukan COMBI Negeri Pulau Pinang sendiri yang mana kita telah memperkenalkan sistem penggredan kampung dan taman ini. Yang mana sistem penggredan ini akan rumah-rumah ini akan digred A, B, C, D, macam A, B, C, D, E kalau tak salah saya, mengikut berapa jumlah tempat pembiakan yang ditemui di kawasan persekitaran rumah. Dan ini tidak dilaksanakan oleh anggota Jabatan Kesihatan atau anggota PBT tetapi dilaksanakan oleh Anggota COMBI sendiri. Maknanya jiran-jiran dia, sedara mara dia, kawan-kawan dia. Mereka buat rondaan, berjumpa semak tengok kalau ada bagi Gred A. Kalau tak dak bagi gred A. Kalau ada tempat pembiakan bagi gred B, C, D, begitulah secara ringkasnya. Dan ini satu inovasi baru, yang mana kita baru perkenalkan kita nak lihat hasil dia kalau berjaya, makna kita berjaya melibatkan komuniti untuk turut sama mengurangkan masalah denggi ini. Kerana COMBI yang memperkenalkan ini ialah COMBI Titi Teras di Pulau Pulau Betong Kampung Titi Teras mereka memperkenalkan sistem ini dan alhamdulillah di kampung itu tidak mencatatkan kes denggi seperti di kawasan-kawasan lain. Jadi kita nak lihat keberkesanan inovasi ini *insya-Allah*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat satu jam tiga puluh minit (1 jam 30 minit) untuk soalan lisan telah pun tamat. Selaras dengan Sub Peraturan 26 (7) Peraturan-peraturan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak atas meja Ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan ke dalam penyata rasmi.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2016 Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2016.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016, dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan bagi kali Yang Pertama.

Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama “Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016, dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.”

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang Undang-undang telah dibaca bagi kali Yang Pertama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, mengikut Peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mencadangkan bacaan kali Yang Kedua Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta merta.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2016 bacaan kali Yang Kedua.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan izin-Nya jua maka dapatlah saya bersama dengan semua kepimpinan negeri sekali lagi menggalas amanah bagi menyampaikan ucapan bajet Negeri Pulau Pinang tahun 2016 di Dewan yang mulia ini. Dalam ucapan saya ini saya akan menggabungkan penghujahan mengenai Bajet Mengurus terlebih dahulu seiring dengan Pembentangan Undang-undang Perbekalan dan seterusnya disusuli dengan Bajet Pembangunan.

Tapi, sebelum itu saya ingin menyatakan sedikit tentang penilaian pencapaian ekonomi. Dalam merangka dasar, strategi, program dan tindakan bagi penyediaan Bajet 2016, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk melakukan keseimbangan yang sebaik mungkin memandangkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh memerlukan kepada penglibatan bukan sahaja sektor awam tetapi memerlukan gandingan bersama sektor swasta. Sektor perkhidmatan kini menyumbang lebih kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2014 dengan 48.3% berbanding dengan sektor pembuatan yang menyumbang 46% kepada KDNK.

Laporan Modal Insan World Economic Forum mentakrifkan ekonomi berpendapatan tinggi sebagai sesuatu negeri yang mempunyai KDNK per kapita mencapai US\$12,467 atau RM40,841 berdasarkan kadar pertukaran semasa pada tahap RM3.27 kepada US\$1 iaitu pada tahun 2014. Kalau berdasarkan tahap itu Pulau Pinang disasarkan mencapai KDNK per kapita sebanyak RM42,251 berdasarkan jumlah penduduk seramai 1,681,922 orang dan KDNK yang dijangka akan mencecah RM71,063 juta pada tahun 2015 ini. KDNK per kapita Pulau Pinang berjumlah RM42,251 seharusnya telah melampaui penanda aras RM40,841 untuk menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi.

Walau bagaimanapun, saya ingin ingain menyatakan bahawa jatuhnya nilai mata ringgit disebabkan oleh faktor luaran seperti skandal RM42 bilion 1MDB di pasaran mata wang dunia campur dengan *scandal donation* RM2.6 billion secara teknikalnya tidak menjadikan Pulau Pinang sebuah ekonomi berpendapatan tinggi pada tahun ini. Kerana dengan kadar nilai mata wang ringgit sebanyak RM4.30 kepada 1USD, berbanding dengan tahap RM3.27 sen sebelum ini jelas sekali penanda aras RM40,841 untuk mencapai status berpendapatan tinggi harus ditingkatkan kepada RM50,00 KDNK per kapita berdasarkan tukaran wang asing sekarang sebanyak RM4.20 kepada 1USD. Sekiranya nilai ringgit pulih barangkali menjelang tahun hadapan, apabila semua skandal politik dan kewangan diselesaikan, Pulau Pinang boleh kembali kepada statusnya sebagai sebuah ekonomi berpendapatan tinggi. Dengan kata lain, kalau di sini tidak diselesaikan maka kita kena tunggu lima (5) tahun lagi untuk mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi sebagai sekurang-kurangnya RM50,000 berdasarkan kadar 1USD untuk RM4.30

Tuan Yang di-Pertua, Pulau Pinang sebagai “Negeri Keusahawanan”. Istilah "negeri keusahawanan" dikaitkan dengan Profesor Mariana Mazzucato. Di mana beliau mengatakan penjanaaan kekayaan berdasarkan kolaborasi antara "pencipta kekayaan" atau *value created* yang melibatkan bukan sahaja *stake holder* perniagaan sahaja, tetapi juga pekerja, institusi awam dan pertubuhan masyarakat sivil. Profesor Mazzucato telah mengemukakan satu cadangan yang begitu baik bahawa kerajaan boleh menerajui pelaburan di sektor-sektor berisiko terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), inovasi serta latihan semula dan peningkatan kemahiran, yang tidak diceburi oleh sektor swasta.

Di Pulau Pinang, kita telah membentuk dasar ekonomi yang progresif yang dipimpin pelaburan yang inklusif dan mampan untuk mencipta kekayaan melalui perkongsian awam dan swasta yang memacu pertumbuhan jangka panjang dan produktiviti, dengan kata lain *Private Public Partnership* (PPP), bukan sahaja sektor perniagaan, tapi semua sektor-sektor termasuk pekerja dan juga masyarakat madani. Dalam aspek Pulau Pinang adalah sebuah negara kesusahawanan, namun kami tidak percaya dengan keterlibatan dalam hasil pasaran terutamanya untuk bersaing dengan perniagaan sejajar dengan mantra kami "*the business of government is not to get into business*"

Oleh itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus mendapat keyakinan pelabur tempatan dan luar negara. Ini dapat dibuktikan apabila dalam tempoh tujuh (7) tahun bermula tahun 2008 hingga 2014, jumlah pelaburan terus meningkat sebanyak 93% adalah sebanyak RM48.2 billion berbanding dengan jumlah pelaburan RM24.9 billion yang dicatatkan untuk tempoh tujuh (7) tahun sebelum ini iaitu dari tahun 2001 hingga 2007. Peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh 2008 hingga 2014 adalah sebanyak 109,592 pekerjaan. Pada suku akhir tahun 2014 lagi, kadar penyertaan tenaga buruh di Pulau Pinang meningkat kepada 70.6% iaitu melebihi kadar kebangsaan di lingkungan 66% dengan kadar pengangguran yang rendah iaitu sebanyak 1.7% bagi tahun 2013 iaitu kadar yang paling rendah di Malaysia dengan peluang pekerjaan lebih 110,000 untuk separuh tahun ini sejak 2008 adalah ketara bahawa kita kekurangan pekerja.

Pulau Pinang berjaya menarik pelaburan bernilai RM4.33 bilion pada separuh tahun pertama 2015 melalui 67 buah projek yang diluluskan dengan 13,199 peluang pekerjaan. Oleh itu berita-berita baru-baru ini Mergers and Acquisitions (M&A) ataupun penggabungan dan pengambilalihan beberapa syarikat antarabangsa (MNC) baru-baru ini tidak memberi kesan negatif kerana ianya tidak melibatkan banyak pekerja yang diberhentikan dan Pulau Pinang masih kekurangan pekerja sekurang-kurangnya 20,000 orang. Pulau Pinang juga telah mempelbagaikan aktiviti ekonomi ke sektor perkhidmatan seperti *shared services & outsourcing* (SSO), dan itulah sebabnya buat kali pertama sektor perkhidmatan kini melebihi sektor pembuatan dalam sumbangan kepada KDNK dan juga teknologi maklumat dan pemprosesan pengetahuan melalui BPO Prime di Bayan Baru, IT BPO Park di Bayan Lepas dan CAT - *Accelerator for Creativity Analytics & Technology* di Wisma Yeap Chor Ee di tapak Warisan George Town. Ketiga-tiga projek ini dijangka menjana lebih 30,000 peluang pekerjaan.

Sektor ini SSO - *Share Services & Outsourcing* khususnya telah berjaya menarik syarikat berstatus MSC atau Koridor Raya Multimedia sehingga mengumpul sebanyak RM4 billion mulai tahun 2009 hingga 2014. Sebagai contoh, Citigroup yang mengendalikan perkhidmatan pusat *Global Financial Credit Transaction Hub* iaitu hub dunia beroperasi

24 jam mempunyai lebih 1,400 pekerja tempatan mengendalikan 32 juta transaksi kredit dengan nilai USD7.2 billion setiap tahun. Trillion bukan billion, trillion USD dan ini semua dilakukan di Pulau Pinang.

Adalah penting bahawa industri pembuatan tidak terus jumud tetapi menuju ke arah berteknologi tinggi, inovatif dan bernilai tinggi. Adalah penting Pulau Pinang dikenali dengan *front end industry* bukan *back end* yang menekankan produk dalam industri baru, melabur dalam R&D dan mempunyai lebih 7% bilangan pekerja mempunyai Diploma atau Ijazah Sarjana Muda dengan lima (5) tahun pengalaman. Ini memerlukan pekerja terlatih. Itulah sebabnya Kerajaan Negeri perlu melabur dalam modal insan. Kerajaan Negeri telah memulakan usaha ke arah ini dengan memberikan peruntukan sebanyak RM12 juta setiap tahun kepada Sekolah Rendah Cina, Sekolah Rendah Tamil dan Sekolah Agama Rakyat mulai tahun 2008. Tetapi ini tidak mencukupi. Pendidikan Vokasional yang tertaraf dunia juga penting. Selepas berusaha hampir empat (4) tahun untuk menarik syarikat-syarikat Jerman, Kerajaan Negeri berjaya menyaksikan permulaan kursus pendidikan Vokasional di Pulau Pinang mulai 1 September 2015.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM2 juta untuk menjayakan Program Latihan Berkembar Vokasional Jerman atau *German Dual Vocational Training Programme* di PSDC atau Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang. Dengan kata lain, kos tuisyen dibayar oleh Kerajaan Negeri. Di samping itu, pelajar akan diberi elaun bulanan sebanyak RM900.00 ikut kadar gaji minimum. Sekarang dinaikkan kepada RM1,000, mereka akan menerima RM1,000 yang akan dibayar oleh syarikat-syarikat Jerman itu atau syarikat-syarikat yang mengambil bahagian. Pelajar sebenarnya bukan sahaja tak perlu bayar kadar tuisyen atau bayaran tuisyen tetapi akan dibayar untuk belajar dengan RM900.00 sekarang atau RM1,000 setiap bulan pada tahun depan.

Setelah mereka berjaya menamatkan pembelajaran dalam masa 42 bulan, mereka boleh bekerja dengan syarikat multinasional dengan gaji lumayan. Diploma ini diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan juga *Malaysian German Chamber of Commerce* dan membuka ruang bahawa ia akan diiktiraf bukan sahaja di Germany tetapi di seluruh dunia kerana apa yang diiktiraf di Jerman tentu akan diiktiraf di seluruh dunia. Keunikan sistem Vokasional Jerman ini adalah belajar dan mengamalkan sambil bekerja dalam kilang. Pembelajaran dilakukan dalam kilang. Ia adalah asas kepada kejayaan ajaib pemulihan ekonomi Jerman. Melalui program ini Kerajaan Negeri berharap anak-anak tempatan berpeluang untuk mempelajari teknologi Jerman di Pulau Pinang dengan jenama *Trained in Penang* sebagai tanda penguasaan Sistem Pendidikan Vokasional Jerman.

Antara syarikat yang terlibat adalah seperti B. Braun, Carsem Malaysia, Dynacraft, Inari, OSRAM, Robert Bosch dan Southern Steel. Pengambilan pertama atau *first batch* telah pun bermula dengan seramai 22 orang pelajar terdiri daripada 20 orang Melayu dan 2 orang India dan yang lebih membanggakan atau menghairankan ialah lebih separuh dari 22 orang pelajar adalah terdiri daripada golongan wanita. Lelaki tak malukah? Program ini boleh menampung 500 hingga 600 orang pelajar dan Kerajaan Negeri sedia memperuntukkan lebih banyak di antara RM4 juta hingga RM6 juta sekiranya diperlukan untuk menambahkan pelajar. Program ini terbuka untuk anak Negeri Pulau Pinang dan juga rakyat Malaysia pada masa akan datang kerana kita hendak menarik lebih ramai modal insan di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan program biasiswa yang diberi nama *Penang Future Foundation (PFF)* yang telah dilancarkan pada 1 April 2015 tahun ini dengan dana sejumlah RM20 juta. Mereka hanya disyaratkan untuk tinggal di Pulau Pinang, kerja dengan syarikat swasta atau pihak kerajaan tak apa, asalkan mereka tinggal di Pulau Pinang. Di samping itu, sejak tahun 2008. Kerajaan Negeri telah pun mengiktiraf *Unified Examination* yang diuruskan oleh Dong Jiao Zong untuk berkhidmat dalam anak syarikat agensi Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini adalah bertujuan memperbanyakkan lagi modal insan untuk mewujudkan satu kluster kreatif atau inovasi berteraskan 3T - *Talent, Technology and Tolerance of new ideas*. Ini adalah asas untuk mewujudkan satu kasta pengetahuan ataupun kreatif dan tentunya kebebasan yang dinikmati di Pulau Pinang boleh bertindak sebagai pemangkin ekonomi yang dapat menjamin peluang yang sama rata kepada semua dan juga merealisasikan potensi penuh mereka. Hasrat Kerajaan Negeri untuk mentransformasikan Pulau Pinang sebagai Pusat Kecemerlangan Sains dan Teknologi akan menjadi kenyataan apabila Pusat Sains dan Kecemerlangan, *Tech-Dome Penang (TDP)* berharga RM25 juta siap sepenuhnya menjelang tahun 2017.

Kerajaan Negeri akan bergantung kepada pemangkin ekonomi baru seperti seni, budaya dan warisan. Ia boleh jadi pemangkin ekonomi. Dua inisiatif baru dijalankan berdasarkan seni, budaya dan warisan. Inisiatif pertama ialah mendirikan satu Muzium Seni yang ditaja oleh pihak swasta di Sia Boey sebagai sebahagian Dataran Warisan dan Seni Pulau Pinang iaitu tapak seluas 5.5 ekar di sebelah bangunan KOMTAR. Tapak warisan seni ini dapat menjana pulangan melalui pelancong serta mengukir nama di pentas seni dan lukisan antarabangsa agar menarik lebih ramai orang awam berhimpun dan beriadah. Inisiatif kedua ialah menandatangani MOU (Memorandum Persefahaman) dengan Aga Khan Trust For Culture dan Think City (anak syarikat Khazanah Berhad) untuk menjalankan kerja pemeliharaan dan pemulihan Tapak Warisan Dunia George Town secara besar-besaran dan holistik khususnya berhampiran kawasan perairan Tapak Warisan Dunia George Town. Kedua-dua inisiatif ini mempunyai nilai ekonomi sebanyak RM500 juta.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pemangkin ekonomi ialah pembinaan Dewan Orang Ramai yang tertaraf antarabangsa sebagai sumber *Meeting Incentives Convention & Exhibition (MICE)*. Contohnya Seberang Perai Arena di Seberang Jaya dibina dengan harga RM11 juta menjadi pilihan orang ramai bukan sahaja untuk menganjurkan majlis kenduri dan kegunaan awam tetapi untuk syarikat perniagaan menjalankan ekspo. SPA yang boleh menampung 150 meja memeriahkan kawasan persekitaran dan merangsang aktiviti perdagangan menjadi bukan sahaja pusat perniagaan tapi juga pusat sosial untuk penduduk di sekitar ini. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri melihatkan kejayaan SPA bercadang untuk membina satu lagi Dewan Orang Ramai yang sekali ganda lebih besar daripada SPA dan ia akan dibina di Ampang Jajar, Butterworth. Dewan orang ramai yang bertaraf antarabangsa ini boleh menampung 300 buah meja akan dibina dengan anggaran kos RM60 juta, termasuk sebuah kolam renang antarabangsa. Adalah diharapkan pembinaan dewan orang ramai yang terbesar di Seberang Perai ini boleh bermula pada tahun hadapan.

Di samping itu, Sub-terranean Penang International Convention & Exhibition di Bayan Baru bernilai RM300 juta akan siap pada tahun 2017 dan ia boleh menampung 550 buah meja dalam ruang di dewan mereka. Sektor pembinaan memainkan peranan

yang penting sungguhpun menyumbang 2.2% kepada KDNK pada tahun 2015 berbanding 2.1% kepada KDNK pada tahun 2010. Ia akan bertambah rancak dengan rancangan projek Pelan Induk Pengangkutan Awam yang bernilai RM27 billion, merangkumi sistem LRT, lebuhraya, udara dan laut di kawasan Pulau dan di Seberang Perai untuk mengurangkan kesesakan trafik serta projek yang berkaitan dengan pengangkutan.

Tebus Guna Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini sebanyak 744 ekar tanah telah ditebus guna untuk tujuan pembangunan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Tempat-tempat yang telah ditebus guna di bawah kerajaan lama adalah:

Sehingga kini, sebanyak 744 ekar tanah telah ditebus guna untuk tujuan pembangunan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN). Perinciannya adalah seperti berikut :

(a) Tanah yang telah ditebus guna semasa Kerajaan Barisan Nasional (BN):

| BIL | LOKASI | KELUASAN | KEGUNAAN | PEMAJU | STATUS TANAH |
|-----|---|-------------|---|--|---------------------------------|
| | Tanjung Tokong Fasa 1 | 249.60 ekar | Pembangunan Bercampur kediaman, perniagaan, kemudahan masyarakat, utiliti dan kawasan lapang. | Pemilik : Tanjung Pinang Development Sdn Bhd Pemaju : E & O Development Sdn Bhd | Pemberian Milik /Pegangan Bebas |
| | Jelutong | 263.1 ekar | Pembangunan Bercampur kediaman, perniagaan, kemudahan masyarakat, utiliti dan kawasan lapang. | Pemilik : Jelutong Development Sdn Bhd Pemaju : IJM Land Sdn Bhd | Pemberian Milik /Pegangan Bebas |
| 3 | Lebu Maccallum, Daerah Timur Laut | 61.80 ekar | Pembangunan Bercampur, Kediaman | Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) | Pemberian Milik |
| 4 | Tanjung Tokong, Daerah Timur Laut | 54.0 ekar | Pembangunan Bercampur, Kediaman | UDA Holding Berhad | Pemberian Milik |
| 5 | Bagan Luar, Daerah Seberang Perai Utara | 115.65 ekar | Pembangunan Bercampur, Cargo Terminal | Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang | Pemberian Milik |

(b) Tanah Tebus Guna dalam Pelan Struktur Pulau Pinang Yang Akan Ditebus Guna Selepas Diluluskan Oleh Kerajaan BN. Ini diluluskan oleh Kerajaan BN tapi belum tebus guna tapi akan ditebus guna iaitu:

| BIL | LOKASI | KELUASAN | KEGUNAAN | PEMAJU | STATUS TANAH |
|-----|-----------------------|--------------------------------------|---|--|-----------------|
| 1 | Tanjung Tokong Fasa 2 | 891 ekar | Pembangunan Bercampur | Pemilik : Tanjung Pinang Development Sdn Bhd Pemaju : E & O Development Sdn Bhd | Pemberian Milik |
| 2 | Butterworth | 650 hektar (1606 ekar) 600 ekar – | pembesaran NBCT (National Butterworth Container Terminal) 314 ekar – zon simpanan (future port expansion) 692 ekar – Pembangunan Bercampur : Rayston Consortium (Butterworth) Sdn. Bhd. | Penang Port Sdn. Bhd. | - |

Ini telah diluluskan dan sungguhpun ada isu-isu berkaitan dengan Rayston yang diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan ada dua (2).

| BIL | LOKASI | KELUASAN | KEGUNAAN | PEMAJU | STATUS TANAH |
|-----|---------------|------------|-----------------------|-----------------------------|--------------|
| 1 | Bayan Mutiara | 35 ekar | Pembangunan Bercampur | Ivory Tropicana | - |
| 2 | Bayan Bay | 24.79 ekar | Pembangunan Bercampur | Ideal Gim Ventures Sdn. Bhd | - |

Selain daripada Bayan Mutiara, tanah tebus guna baru adalah di Bayan Bay di bawah KADUN Pantai Jerejak. Tebusguna tanah Bayan Bay oleh Tetuan Ideal Gim Ventures Sdn. Bhd. dengan keluasan 24.79 ekar akan digunakan untuk pembinaan 2,100 unit perumahan seluas 11.79 ekar, 11 ekar sebagai rizab Kerajaan dan dua (2) ekar lagi untuk kegunaan infrastruktur. Bagi kelulusan ini, Kerajaan Negeri akan menerima satu kompleks sukan moden yang bertaraf antarabangsa untuk kegunaan awam seperti berikut: -

- i) Velodrome Semi Covered, dan saya rasa ini dinanti-nantikan oleh rakyat. Pulau Pinang akan memiliki *velodrome semi covered* bertaraf antarabangsa dengan trek basikal sepanjang 250 meter serta tiga (3) unit gelanggang bola keranjang dan gelanggang bola tampar di tengah-tengah. Sekiranya berjalan lancar dengan *velodrome* bertaraf antarabangsa kita boleh adakan pertandingan sukan peringkat antarabangsa.

- ii) Kompleks sukan moden ini kita pun akan memiliki kolam renang bertaraf antarabangsa beserta *diving pool* dan juga sebuah padang bola sepak di Persiaran Bayan Indah bersebelahan Lot 15739, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang, bila saya sebut semua di kawasan Pantai Jerejak amat gembira, inilah facility, kemudahan sukan. Juga YB. Padang Lalang pun tumpang gembira kerana ini akan memeriahkan lagi dan menuju ke arah Pulau Pinang sebagai satu Bandaraya Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pemangkin ekonomi ialah Industri Halal. Kerajaan Negeri juga akan terus memantapkan industri halal agar menceburi pasaran halal yang kini mencecah USD2.3 trillion setiap tahun. Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang Fasa II kini telah berjaya mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM175 juta. Dalam aspek memperkasakan intergriti dan pensijilan Halal pula, Halal Penang dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang melalui program *outreach* telah berjaya meningkatkan jumlah permohonan pensijilan Halal daripada 55 buah syarikat pada tahun 2008 kepada sejumlah 765 buah syarikat pada tahun 2015. Pensijilan Halal bukan setakat pemakanan sahaja tetapi telah diperluaskan kepada industri pelancongan bagi menarik pelancong-pelancong Muslim. Misalnya, syarikat perkapalan Superstar Libra telah mendapat pengiktifaran Halal. Selain daripada penerbitan buku panduan *Muslim Travel Guide*, kini Halal Penang juga bersama-sama *Institute for Halal Research and Training* sedang membangunkan modul pemandu pelancong Muslim.

Dalam merealisasikan potensi sektor pelancongan dan warisan, kita memerhatikan peningkatan pelancong ke Pulau Pinang bukan sahaja sekadar kenaikan statistik iaitu kenaikan 45% adalah seramai 6.8 juta pelancong pada tahun 2014 iaitu statistik penginapan hotel oleh Tourism Malaysia berbanding dengan 4.7 juta pelancong pada tahun 2013. Ia juga dapat dilihat dengan pembukaan hotel-hotel baru serta pembukaan *boutique hotels*. Pulau Pinang menjadi pilihan *Hilton Worldwide*, sebuah syarikat hospitaliti antarabangsa Amerika Syarikat telah membuka *resort* pertamanya, *DoubleTree Resort by Hilton* di Pulau Pinang. Projek yang bernilai RM230 juta ini akan dibangunkan di tapak Hotel Hydro Majestic di Batu Feringghi yang akan menjalani pengubahsuaian dan dijangka dibuka pada suku pertama tahun depan. Pembukaan hotel yang bertaraf lima (5) bintang yang pertama di Seberang Perai, The Light Hotel, juga memperbanyakkan pilihan dan peluang pelancongan di sana. Satu lagi hotel bertaraf lima (5) bintang berjenama di kawasan Pulau dijangka akan diumumkan pada tahun hadapan.

Bersempena Tahun Melawat Pulau Pinang 2015, Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism* telah berjaya melaksanakan beberapa acara bertaraf antarabangsa buat julung kalinya seperti *Penang Hot Air Balloon Festival*, *Penang Anime Matsuri Summer Party 2015*, *Penang Justice League Run* dan *Transformers' Light* sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Acara-acara tersebut yang membelanjakan hampir RM3 juta mendapat sambutan yang meriah dan menggalakkan dan Kerajaan Negeri berhasrat meneruskan acara-acara tersebut pada tahun 2016 dengan skala yang lebih besar. Kerajaan Negeri juga telah sekali lagi berjaya menarik perhatian Syarikat Biscuit Films Sdn. Bhd. dan New Production Ltd. dari United Kingdom untuk melanjutkan tempoh perfileman di Pulau Pinang bagi penggambaran drama TV minat orang ramai bersiri "*Indian Summers*" untuk musim kedua. Melalui penggambaran filem United Kingdom ini, Kerajaan Negeri turut menjana hasil yang lumayan kerana syarikat tersebut telah melaburkan hampir 14 juta *Pound Sterling* atau RM84 juta untuk tujuan penerbitan drama tersebut bagi musim kedua, satu (1) tahun sahaja. Ia tentulah dapat

mempromosikan Pulau Pinang khususnya Bukit Bendera di mana kebanyakan perfileman dijalankan dan mempromosikan Pulau Pinang ke peringkat antarabangsa. Kini ianya sama bukan sahaja ditayangkan di United Kingdom tetapi juga di Amerika Syarikat dan di Australia dan mendapat sambutan yang agak baik. Ini akan memberikan peluang pekerjaan dan juga pengalaman dalam bidang perfileman kepada warga tempatan di Pulau Pinang.

Di sini saya ingin menyentuh bahawai aktiviti-aktiviti pembangunan di Bukit Bendera diberi perhatian supaya dapat menarik lebih ramai lagi pengunjung-pengunjung ke Bukit Bendera. Jumlah pengunjung ke Bukit Bendera saban tahun mencatat *trend* peningkatan dari jangka meningkat 8% lagi kepada seramai 1.56 juta pengunjung pada tahun hadapan. Tapi kita kena berdoa tidak ada jerebu.

YB. Tuan Yang di-Pertua, surat khabar *International New York Times* telah menerbitkan artikel mengenai perayaan *George Town Festival* sebagai acara kesenian Asia yang semakin berkembang dan juga popular. Baru-baru ini laman sesawang pelancongan, *web portal* terbesar di dunia *lonely planet* menyenaraikan George Town Pulau Pinang sebagai bandar raya yang keempat berkarisma di dunia. George Town adalah satu-satunya bandaraya yang dipilih daripada negara-negara ASEAN dan yang paling berkarisama daripada Benua Asia. Malah George Town nombor empat (3) dalam dunia melebihi bandar raya lain seperti Mumbai, Manchester, Rotterdam dan Rome. Ini saya rasa bukan saja mengharumkan nama Pulau Pinang tapi juga mengharumkan nama Malaysia. Kita pun telah menerima tahniah dan syabas daripada Y.A.B. Perdana Menteri juga. Bagi memastikan kelangsungan projek-projek dan program-program tarikan pelancongan dan warisan bagi tahun 2016, peruntukan berjumlah RM31.93 juta akan disediakan.

Pertanian. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM13.5 juta untuk sektor industri asas tani. Tumpuan juga diberikan kepada pembangunan lebah kelulut yang semakin mendapat tempat di pasaran tempatan dan antarabangsa. Pada masa ini sebanyak 1,000 *hive* kelulut telah dibangunkan oleh penternak-penternak kelulut. Bagi membantu nelayan pula, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan dalam tahun semasa untuk pembinaan tukun tiruan di perairan Pulau Aman dan Pulau Kendi bagi menjamin kelestarian bekalan ikan di Pulau Pinang di samping meningkatkan hasil tangkapan nelayan. Program Bantuan Pukat bagi nelayan persisir pantai Pulau Pinang akan diteruskan pada tahun 2016 dan pemberian pukat pantai sebanyak dua (2) kali setahun akan makan perbelanjaan RM1.6 juta. Di samping itu, sistem mikro kredit, Tabung Usahawan Tani Muda, akan diteruskan pada tahun depan.

Untuk memantapkan program sosial dan kebajikan, Agenda Ekonomi Saksama AES ialah alat pembasmi kemiskinan telah memastikan setiap keluarga menerima sekurang-kurang RM790.00 sebulan. Kerajaan Negeri akan menambah nilai mana-mana keluarga yang dapat kurang daripada jumlah RM790.00. Contohnya sekiranya sebuah keluarga menerima RM600.00 sebulan, Kerajaan Negeri akan *topup* menambah nilai RM190.00 setiap bulan sehingga genap RM790.00 sebulan. Bagi memastikan keberkesanan program-program kebajikan AES sentiasa relevan dengan keadaan semasa, maka mulai Julai tahun ini program AES yang dahulunya dilaksanakan tanpa bersyarat telah ditukarkan secara syarat iaitu *unconditional cash transfer to conditional cash transfer*. Antara syaratnya ialah penerima bantuan AES perlu memberi perhatian kepada faktor kesihatan keluarga dan pendidikan anak-anak di sekolah. Kalau tidak wang tidak akan diberikan. Kaedah pemberian AES bersyarat ini bertujuan memantau

keberkesanan program bantuan kepada keluarga miskin. Mengubah corak tingkah laku mereka supaya mereka dapat membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Dalam tahun semasa sehingga Oktober 2015, sebanyak 1,204 keluarga telah dibantu oleh AES dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM2.8 juta.

Rakyat Pulau Pinang yang berdaftar dengan program i-sejahtera yang meliputi program penghargaan warga emas, ibu tunggal, bantuan OKU, skim pelajar emas, skim ibu emas di mana mereka semua diberikan RM100.00 setiap tahun. Program anak emas diberikan RM200.00 setiap tahun dan juga kepada mahasiswa RM1,000.00 *one off*, waris warga emas, ibu tunggal dan OKU di mana waris akan menerima RM1,000.00 apabila warga emas, ibu tunggal dan OKU meninggal dunia atau kembali ke rahamtullah. Mengambil kira jaminan Kerajaan Negeri akan meneruskan program yang mendapat sambutan baik sungguh pun menghadapi kekangan ekonomi maka peruntukan sebanyak RM60.1 juta akan disediakan untuk tahun depan.

Keselamatan. Keselamatan rakyat menjadi fokus utama Kerajaan Negeri. Usaha mengurangkan kadar jenayah akan dipertingkatkan. Kerajaan Negeri ucapkan penghargaan kepada PDRM atas usaha ini. Tidak lupa juga kepada semua Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Tentera, Jabatan Imigresen, Kastam, Penjara dan Jabatan Perkhidmatan Bomba yang turut sama menjaga keselamatan negeri. Dalam memastikan keselamatan rakyat negeri ini, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) telah menubuhkan Biro Peronda Sukarela atau BPS untuk mempertingkatkan aspek keselamatan dalam kelompok komuniti masing-masing. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sejumlah RM1.2 juta bagi penubuhan BPS.

Kerajaan Negeri melalui MBPP juga telah memperutukkan RM9.63 juta pada tahun 2016 untuk pemasangan kamera litar tertutup CCTV baru dan penyelenggaraan kamera CCTV yang sedia ada. Sehingga tahun 2014, MBPP telah memasang sebanyak 286 buah kamera CCTV manakala pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan (KKBP) dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memasng 56 buah CCTV di bahagian Pulau. Pada akhir tahun 2015, MBPP akan memasang 216 buah kamera CCTV tambahan di bahagian Pulau. Untuk Seberang Perai pula, setakat ini telah dipasang 130 buah CCTV. MPSP akan turut memperutukkan sejumlah RM3 juta pada tahun 2016 bagi pemasangan tambahan dan penyelenggaraan lampu-lampu jalan. Semua usaha ini dijalankan demi menangani isu-isu jenayah dan memantapkan keselamatan awam.

Berkaitan perumahan mampu milik Kerajaan Negeri telah meluluskan dana RM500 juta pada PDC yang dipertanggungjawabkan untuk membina perumahan mampu milik dikelima-lima daerah di Pulau Pinang. Projek perumahan mampu milik fasa pertama di Bandar Cassia, Batu Kawan yang mengandungi 520 unit kini sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada Disember 2016 dengan harga jualan di antara RM72,500 hingga RM220,000 setiap unit. Projek perumahan kos sederhana rendah dan mampu milik di Jalan S.P. Chelliah, Daerah Timur Laut baharu sahaja diluluskan Permit Pengiklanan dan Lesen Pemaju (*Advertising Permit & Developer License*) oleh KPKT. Projek perumahan ini yang melibatkan pembinaan sebanyak 770 buah unit rumah kos sederhana rendah dan 1,323 unit rumah mampu milik boleh bermula pelaksanaannya. Atas dasar kerajaan yang prihatin serta hasrat ingin mencapai sasaran satu (1) keluarga satu (1) rumah. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan jenis perumahan mampu milik yang baru iaitu rumah mampu milik

berharga maksimum RM150,000 di mana syarat asas permohonan rumah jenis ini ialah had pendapatan seisi rumah tidak melebihi RM6,000 sebulan. Ini adalah sebahagian daripada 22,525 unit rumah yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri di samping bilangan yang sama oleh pihak swasta.

Bagi meningkatkan kualiti hidup dan keselesaan rakyat yang tinggal di 49 buah Rancangan Perumahan Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sejumlah RM9.76 juta untuk kerja-kerja menaik taraf dan pembaikan yang di "*common area*" perumahan Kerajaan Negeri. Kerja-kerja penyelenggaraan di Rancangan Perumahan Kerajaan Negeri sewajarnya hendaklah dibiayai daripada kutipan fi penyelenggaraan yang dikenakan, namun mengambil kira kutipan fi penyelenggaraan mempunyai tunggakan dan untuk tidak mengabaikan kerja-kerja penyelenggaraan yang diperlukan, maka sebanyak RM5 juta akan disediakan pada tahun 2016 untuk menampung tabungan Akaun Amanah Penyelenggaraan Perumahan Kos Rendah Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri juga prihatin kepada rakyat yang mendiami di perumahan bertingkat kos rendah dan kos sederhana rendah swasta. Bagi meringankan bebanan mereka dalam menanggung kos pembaikan dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan asas seperti pembaikan lif, bumbung dan tangki air di rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana rendah swasta, maka pada tahun 2016 Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2.8 juta di bawah pembiayaan bersama 80:20 (80% Kerajaan Negeri dan 20% sumbangan penduduk dan sebanyak RM3 juta di bawah pembiayaan Program HAPPY.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri terus berusaha ke arah Pulau Pinang sebagai negeri hijau. Malahan sejak Kerajaan Negeri melarang penggunaan bekas makanan polisterina dan beg plastik di semua kompleks membeli belah, kadar kitar semula di Pulau Pinang mencapai kadar tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 32% sepanjang tahun 2014 telah melebihi kadar kitar semula peringkat kebangsaan terkini iaitu 10.5%. Sunggupun kita mencapai kita semula 32%, kita harap dapat mencapai piawaian antarabangsa iaitu 40% kadar kitar semula pada tahun 2020.

Negeri Pulau Pinang juga telah mengambil langkah-langkah atau dasar-dasar yang progresif untuk merendahkan pengeluaran karbon seperti berikut:

- (1) Larangan hidangan sup ikan yu di semua majlis Kerajaan Negeri dan oleh pemimpin Kerajaan Negeri;
- (2) Menyediakan bas percuma di George Town (bas CAT) dan perkhidmatan ulang-alik percuma ke dan dari kawasan-kawasan perindustrian (bas BEST);
- (3) Mengumumkan Hari Tanpa Kereta setiap hari Ahad di Lebuhraya Pantai (Beach Street), George Town dan setiap sebulan sekali di Seberang Perai; dan
- (4) Merancang dan membina laluan basikal yang sepanjang 200 kilometer untuk penunggang di kedua-dua kawasan Pulau dan juga Seberang Perai.

Dari segi pengurusan, pemuliharaan dan pengekalan sumber biodiversiti, hasil sumber hutan, maka pada tahun 2016 Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM2.07 juta untuk tujuan tersebut. Bagi melindungi kawasan pantai daripada kemerosotan dan hakisan di samping mengatasi masalah pencemaran air laut terutamanya di kawasan pelancongan seperti di Batu Feringghi, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan Projek Pemuliharaan Pantai dan Pembaikan Kualiti Air Laut serta “*Beach Nourishment*” di Batu Feringghi yang melibatkan kos projek sejumlah RM10.85 juta.

Mitigasi Banjir. Kerajaan Negeri amat kesal bahawa pihak Kerajaan Persekutuan telah meminggirkan Pulau Pinang dalam Bajet 2016. Tidak ada satu projek pun untuk Pulau Pinang. Y.A.B. Perdana Menteri telah pun berjanji membantu mangsa-mangsa banjir kilat di Pulau Pinang semasa sambutan Hari Raya Haji. Sehubungan itu, saya telah pun mengambil tindakan susulan dengan menulis surat kepada Y.A.B. Perdana Menteri meminta kelulusan projek mitigasi banjir di Pulau Pinang sebanyak RM805 juta. Saya baru dimaklumkan bahawa semua permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ditolak termasuk RTB Sungai Pinang sebanyak RM200 juta yang telahpun diluluskan di bawah RMK-9. Perlu diingat bahawa Pulau Pinang adalah sebahagian Malaysia, perlu diingat Pulau Pinang membayar cukai sekurang-kurangnya RM6.3 bilion setahun. Adalah tidak munasabah Pulau Pinang dianaktirikan sedemikian.

Keseluruhan projek impak tinggi mitigasi banjir oleh Kerajaan Negeri akan melibatkan kos sejumlah RM116.84 juta khususnya di Daerah Seberang Perai Tengah dan dijangka dapat disiapkan pada tahun 2017. Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM38 juta berdasarkan jadual pelaksanaan projek-projek impak tinggi terlibat. Dalam masa yang sama, pada tahun 2016 Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah RM14.28 juta kepada JPS untuk menyedia kemudahan dan perkhidmatan infrastruktur pengairan dan saliran amnya.

Mempertingkatkan Infrastruktur, Kemudahan Awam Dan Pengangkutan Bandar. Bagi Menambah Tarikan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri juga telah memohon kepada Penang Sentral Sdn Bhd di Butterworth untuk melaksana kajian kebolehlaksanaan Projek Kereta Kabel untuk menghubungkan Seberang Perai dan bahagian Pulau yang dikenali sebagai *Penang Sky Cab*. *Penang Sky Cab* bukanlah berperanan sebagai alternatif kepada LRT atau Tram tetapi menjadi *mod* pengangkutan awam pilihan di samping menjadi sebagai produk dan tarikan pelancongan yang baru. Andai semuanya berjalan lancar, projek *Penang Sky Cab* dengan anggaran kos lebih RM300 juta dijangka dapat siap pada tahun 2018 nanti. Bahawa kita tahu perkhidmatan feri amat mengecewakan, tunggu setengah jam, naik setengah jam. Satu (1) jam baru boleh sampai. Dengan Sky cab kita hanya perlu masa lima belas minit sahaja dan tak payah tunggu kereta, kereta tunggu sama kita. Dan saya rasa ini akan memudahkan dua-dua belah, Seberang Perai akan untung, sebelah Pulau akan untung. Ini menunjukkan semangat satu (1) Pulau Pinang.

Dalam tahun 2016, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sejumlah RM26.11 juta bagi meneruskan dengan pelaksanaan enam (6) projek pembinaan dan menaiktaraf jalan yang telah diperincikan dalam Bajet 2015 dan sejumlah RM17.45 juta lagi untuk pembiayaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan Negeri. Bagi meningkatkan akses dan menaik taraf jalan-jalan kampung pula, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM2 juta di samping RM5 juta yang boleh dibiayai untuk tujuan tersebut daripada

pemberian Kerajaan Persekutuan dibawah Peruntukan MARRIS (Malaysian Road Information System). Dalam tahun 2015, Kerajaan Negeri telah pun mengagihkan peruntukan sejumlah RM1.0 juta untuk membiayai kerja-kerja menaik taraf jalan kampung dan sebanyak RM3 juta untuk pembiayaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan kampung.

Menambah baik Kemudahan Awam. Dalam usaha meningkatkan kualiti kemudahan awam demi memastikan rakyat menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi, Kerajaan Negeri melalui MBPP memperuntukkan RM5.16 juta pada tahun hadapan untuk tujuan menaik taraf kemudahan penjaja di Tapak Penjaja Jalan Jelutong, Pasar Jalan Anson, Pasar Jalan Patani, Pasar Batu Lancang dan Pasar Taman Tun Sardon, menyiapkan pembinaan Pasar Awam baru di Batu Ferringhi dan kerja-kerja awalan pembinaan Pasar Awam baru di Telok Kumbar. Memandangkan Padang Kota Lama merupakan lokasi bagi pelbagai program, MBPP memperuntukkan sejumlah RM900 ribu untuk kerja-kerja *sub soil drainage* di Padang Kota Lama dan sejumlah RM900 ribu untuk kerja-kerja sama di tanah lapang Lebu Maccallum. Bagi kemudahan awam di Seberang Perai, Kerajaan Negeri melalui MPSP akan memperuntukkan sejumlah RM5.13 juta bagi tujuan penyediaan kemudahan infrastruktur seperti menaik taraf kompleks makanan dan pasar awam, kemudahan alat permainan dan rekreasi serta penyediaan kemudahan awam yang lain kepada warga Seberang Perai. Pasar Seberang Jaya pun akan disusuli. Kerajaan Negeri juga akan menyediakan peruntukan kepada PDC sebanyak RM5 juta untuk projek membina Kolam Renang Awam bertaraf antarabangsa di Seberang Jaya, (SPA) Seberang Perai Arena. Bagi menyedia kemudahan untuk OKU pula, kedua-dua MBPP dan MPSP akan memperuntukkan sejumlah RM150,000 dan RM150,000 masing-masing.

Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan meneruskan projek pembinaan dan menaik taraf laluan pejalan kaki yang melibatkan kos sejumlah RM2,4 juta di Jalan Utama dari Jalan Residen hingga Jalan Dato Keramat, Jalan Gurdwara dari Lebu Tye Sin hingga Lebu Katz, Jalan Brook hingga Jalan Gottlieb, Jalan Anson hingga Jalan Burma dan Jalan Masjid Negeri/Jalan Ayer Itam/Jalan Scotland. Dalam masa yang sama MBPP juga akan mengambil usaha secara berterusan untuk menggalakkan penggunaan basikal di mana sejumlah RM3.06 juta akan diperuntukkan bagi tahun 2016 untuk projek pembinaan laluan basikal, '*Green Road Sharing Concept*' di bahagian Pulau di mana kos tersebut juga adalah termasuk kos penyelenggaraan. Sementara itu, bagi kawasan Seberang Perai pula Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah memperuntukkan sejumlah RM350,000 pada tahun hadapan untuk projek pemasangan *railing* dan laluan pejalan kaki serta pencahayaan di bawah Program Bandar Selamat. Kerajaan Negeri juga memberi perhatian dalam aspek lampu jalan di mana melalui MBPP, sejumlah RM2,015,491 untuk penyelenggaraan lampu jalan diperuntukkan bagi tahun 2016. Sementara itu, di bahagian Seberang Perai, MPSP telah memperuntukkan sejumlah RM3.0 juta.

Infrastruktur Komunikasi Wifi. Kerajaan Negeri meneruskan usaha memberikan kemudahan wifi percuma di tempat awam. Kini sudah ada 1,550 *hot spot wifi* percuma di kesemua 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri di Pulau Pinang. Kelajuan internet telah pun dinaikkan sekali ganda kepada 1MBPS untuk 1,500 *hot spots* percuma, manakala 50 *hot spots wifi* percuma di Tapak Warisan Dunia George Town, kelajuannya dinaikkan kepada 3MBPS. Kos perbelanjaan adalah RM10 juta yang akan dibayar dalam masa lima (5) tahun.

Kerajaan Negeri bercadang untuk menambahkan *wifi hot spot* percuma satu (1) ganda daripada 1,500 *free wifi hot spot* kepada 3,100 *free wifi hot spots* di tempat awam. Kerajaan Negeri Pulau Pinang percaya bahawa memimpin dalam internet *connectivity* dan bahawa sesebuah negeri hanya boleh maju dengan kelajuan internet yang tinggi, yang bukan internet yang lambat seperti yang didokong oleh pihak tertentu. Pulau Pinang bersedia menjadi satu platform untuk menguji dan menentukan mana lebih baik, ianya ada kelajuan internet yang pantas atau yang lambat dan saya percaya bahawa rakyat akan pilih mana model kelajuan internet yang pantas bukan mereka yang lambat.

Berkaitan dengan wanita, wanita bukan sahaja sebagai tiang seri dalam institusi keluarga tetapi telah berperanan memberikan sumbangan yang ketara kepada pembangunan sosial dan ekonomi negeri. Justeru, Kerajaan Negeri baru-baru ini telah melancarkan sebuah program baru, Program TAMPIL iaitu Program Pemberdayaan Kepimpinan Wanita dengan kerjasama dengan Pusat-pusat Khidmat ADUN, Penyelaras KADUN dan JKKK setempat. Sehingga kini, sebanyak lima (5) buah program TAMPIL telah diadakan iaitu di Permatang Pasir, Seberang Jaya, Penanti, Permatang Berangan dan Telok Bahang dengan jumlah keseluruhan penyertaan seramai hampir 300 orang peserta wanita. Peruntukan yang diberikan kepada wanita adalah sebanyak RM800 ribu kepada MMK Wanita dan RM1.5 juta kepada Penang Women Development Corporation (PWDC).

Kerajaan Negeri melalui MSN juga sedang melaksanakan persiapan rapi bagi menghadapi persaingan di SUKMA ke-18 yang akan berlangsung di Sarawak pada 21 hingga 31 Julai tahun depan dengan menyasarkan pungutan pingat emas melebihi 24 pingat emas berbanding sasaran di SUKMA ke-17 di Perlis. Seiring dengan penjenamaan Pulau Pinang sebagai bandar sukan yang unggul di Malaysia, maka pada tahun 2016 dan berikutnya, Negeri Pulau Pinang telah dipilih untuk menjadi penganjur kepada beberapa program sukan bertaraf antarabangsa antaranya Malaysia Masters Badminton Championship 2016 pada bulan Januari tahun hadapan. *Grand Prix Gold, International Weightlifting Federation Youth World Championship 2016, International Weightlifting Federation World Championship 2017* dan *Penang Asia Pacific Master Games 2018* yang dijangka menelan perbelanjaan sebanyak RM 5 juta kesemuanya.

Di sini Kerajaan Negeri ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada (FAP) Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang kerana berjaya menyahut cabaran Tuan Yang Terutama Tun untuk layak dinaik pangkat ke Liga Super pada musim hadapan. Kejayaan ini amat dinanti-nantikan oleh peminat-peminat bola sepak Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri berharap Pulau Pinang akan kekal dalam Liga Super pada musim hadapan. Ini dijalankan mengikut kaedah Kerajaan Negeri diurus tadbir yang bersih, tanpa dadah tanpa *bookie*. Tanpa dadah tanpa *bookie* dan satu (1) lagi tanpa rasuah juga. Tanpa dadah, tanpa *bookie* dan tanpa rasuah. Inilah sistem yang kita perkenalkan sungguhpun wang yang kita belanjakan tidak begitu tinggi tetapi dapat melayakkan diri dinaikan pangkat ke Liga Super. Kita ucapkan tahniah dan syabas bukan sahaja kepada presiden, dan barisan kepimpinannya tapi juga kepada jurulatih dan juga pemain-pemain. Kita harap semua boleh bersatu menyokong FAP sama seperti YB. Telok Bahang. Penyokong FAP tidak jadi hal. Di sini Kerajaan Negeri telah pun menunaikan janji memberikan insentif yang diberikan sehingga sekarang sebanyak RM12.34 juta daripada PBA dan juga saya rasa kira-kira lebih RM1 juta dari Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain, iaitu pada tahun hadapan kita akan terus mempertimbangkan peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua walaupun terdapat suara-suara sumbang yang memperlekehkan fokus Kerajaan Negeri kepada kepentingan masyarakat Islam tetapi hakikatnya Kerajaan Negeri tidak pernah memperkecilkan tanggungjawab ini, malah memberi perhatian yang seimbang dan setara dengan sektor perkhidmatan yang lain. Ini dapat dibuktikan melalui peruntukan yang disediakan setiap tahun oleh Kerajaan Negeri untuk pembiayaan semua program dan projek pembangunan Hal Ehwal Agama Islam yang dirancang. Pada tahun semasa 2015, peruntukan untuk Hal Ehwal Agama Islam yang diluluskan setakat Oktober 2015 berjumlah RM58.13 juta dengan mengambil kira RM5.26 juta bagi pengambilan tanah, manakala untuk tahun hadapan sejumlah RM55.85 juta diperuntukkan. Peruntukan tahun 2016 sebenarnya telah meningkat RM2.98 juta bersamaan 5.64% berbanding tahun 2015, kerana tiada keperluan bagi peruntukan pengambilan tanah disediakan untuk tahun 2016.

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri kerana berjaya meneruskan kecemerlangan dengan memperolehi Sijil Amalan 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk tahun yang keempat berturut-turut juga menerima Anugerah MyGDI Kebangsaan sempena Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan Ke-6 Kategori Jabatan Negeri dan memenangi tempat kedua Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan sempena Sambutan Ulang Tahun Arkib Negara Ke-57.

Kerajaan Negeri juga merakamkan ucapan tahniah kepada MBPP kerana Taman Bandaraya, MBPP telah memenangi Anugerah *Best Website Award di General Assembly Tourism Promotion Organisation Pacific* di Sanya, China pada tahun ini. Ucapan tahniah juga kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kerana telah disenaraikan dalam *The Malaysia Book of Records* sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang pertama telah berjaya mendapat lima (5) persijilan kualiti iaitu Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti iaitu Sistem Pengurusan Kualiti (QMS 9001:2008), Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS 14001:2004), Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS 18001:2007), Sistem Pengurusan Tenaga (EnMS 50001:2011) dan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti (QEMS/5S).

Sumbangan YB. Datuk Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-undang adalah dihargai. Sebagai penghargaan Kerajaan Negeri terhadap sumbangan anggota Perkhidmatan Awam Negeri, pada Julai tahun semasa ini Kerajaan Negeri telah meluluskan pemberian Bantuan Khas Kewangan sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM600.00 kepada seramai 4,168 anggota Perkhidmatan Awam Negeri. Pemberian Bantuan Khas Kewangan ini turut dipanjangkan kepada Penyelia dan Guru KAFA, Guru Sekolah Agama Rakyat, Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat serta Guru dan Staf Sekolah Persendirian Cina sebanyak RM300.00 seorang dan RM200.00 seorang kepada Guru Tahfiz, Guru Pondok dan Guru TADIKA Islam Negeri Pulau Pinang. Keseluruhan perbelanjaan pemberian terlibat berjumlah RM5.22 juta.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 adalah untuk mendapat kuasa berkanun bagi membolehkan Kerajaan Negeri membuat Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM952,720,723 (Ringgit Malaysia: Sembilan Ratus Lima Puluh Dua Juta, Tujuh Ratus Dua Puluh Ribu, Tujuh Ratus Dua Puluh Tiga) bagi tahun 2016. Selain daripada itu, peruntukan sejumlah RM26,806,120 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Enam Juta, Lapan Ratus Enam Ribu, Seratus Dua Puluh) diperlukan untuk

Perbelanjaan Tanggungan mengikut undang-undang di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Oleh itu, jumlah keseluruhan Perbelanjaan Mengurus yang dianggarkan pada tahun 2016 ialah RM979,526,843 (Ringgit Malaysia: Sembilan Ratus Tujuh Puluh Sembilan Juta, Lima Ratus Dua Puluh Enam Ribu, Lapan Ratus Empat Puluh Tiga).

Terdapat 19 jabatan yang dipohon kelulusan peruntukan di bawah Maksud Bekalan berjumlah RM952,720,723 seperti mana perincian di Risalah Bil. 5 Tahun 2015. Di bawah peruntukan Bekalan bagi tahun 2016 yang berjumlah RM952.72 juta, sebanyak RM163.53 juta diperuntukkan untuk Emolumen, sebanyak RM145.52 juta bagi perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, sejumlah RM7.3 juta diperuntukkan untuk perolehan Aset dan RM5.15 juta disediakan untuk perbelanjaan-perbelanjaan lain. Manakala sejumlah RM631.22 juta diperuntukkan bagi Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, termasuk RM220 juta yang akan dicarumkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap kekal sebagai komponen terbesar iaitu 66.25% daripada Perbelanjaan Bekalan. Jumlah ini mengambil kira caruman sejumlah RM220 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan, sumbangan sebanyak RM216 juta untuk Skim Perumahan Mampu Milik dan sejumlah RM117 juta diperuntukkan untuk pemberian dan bantuan-bantuan sosial rakyat yang komited. Pertambahan peruntukan bagi objek-objek am selainnya adalah bagi menampung keperluan perbelanjaan mengurus yang meningkat pada setiap tahun iaitu seperti kenaikan gaji dan pelarasan emolumen, kenaikan kos bekalan dan utiliti, kenaikan kos penyelenggaraan, bayaran kenaan GST untuk perkhidmatan dianggarkan RM20.75 juta dan keperluan menggantikan kenderaan dan aset yang tidak lagi ekonomik dan perlu dilupuskan.

Tuan Yang di-Pertua. Perbelanjaan Pembangunan yang dicadangkan bagi tahun 2016 pula melibatkan jumlah sebanyak RM346,123,190 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Empat Puluh Enam Juta, Seratus Dua Puluh Tiga Ribu, Seratus Sembilan Puluh) yang merangkumi peruntukan cara langsung RM346.12 juta daripada Kerajaan Negeri dan token RM10 bagi pinjaman Persekutuan. Pengagihan di bawah Maksud Pembangunan berjumlah RM346.12 juta ialah untuk sembilan (9) jabatan seperti mana perincian di Risalah Bil. 5 Tahun 2015.

Bajet keseluruhan yang dicadangkan bagi tahun 2016 sebanyak RM1,105.65 juta merupakan pertambahan sebanyak RM112.83 juta atau 11.36% berbanding dengan bajet keseluruhan sebanyak RM992.82 juta bagi tahun 2015. Anggaran Bajet Mengurus sebanyak RM979.53 juta telah meningkat sebanyak RM92.29 juta atau 10.4% jika dibandingkan dengan Bajet Mengurus tahun 2015. Peningkatan ini adalah berpunca dari pertambahan caruman sebanyak RM220 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan berbanding dengan hanya sebanyak RM120 juta yang disediakan pada tahun 2015 untuk tujuan tersebut. Caruman sebanyak RM220 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan merupakan caruman terbanyak sehingga kini. Caruman ini perlu dibuat untuk tujuan pembiayaan projek-projek pembangunan yang dirancang pelaksanaan dalam tahun 2016 serta menyedia rizab perumahan dan ekonomi sebanyak RM100 juta.

Cadangan Bajet Pembangunan sebanyak RM346.12 juta juga merupakan peningkatan sebanyak RM120.54 juta atau 53.44% jika dibandingkan dengan jumlah Bajet Pembangunan sebanyak RM225.58 juta pada tahun 2015. Peningkatan ini mengambil kira inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyediakan rizab berjumlah RM100 juta jika diperlukan dalam menangani kemelut ekonomi dan meneruskan dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dirancang, anggaran peruntukan sebanyak RM38 juta yang disediakan untuk projek impak tinggi pengairan dan saliran bagi tujuan mitigasi banjir serta penyediaan sejumlah RM20 juta untuk pembangunan kemudahan awam iaitu dewan bankuet dan kolam renang di Seberang Perai.

Bagi kawasan Parlimen Permatang Pauh peruntukan berjumlah RM9.43 juta telah diluluskan untuk pembiayaan antara lain pengambilan balik tanah untuk tapak masjid, sekolah agama dan tapak perkuburan Qaryah Masjid Cherok Tok Kun Atas serta tapak untuk Dewan Orang Ramai KADUN Permatang Pasir. Projek pembinaan masjid dan sekolah agama, projek-projek penyelenggaraan jalan Negeri dan jalan kampung, projek pengairan dan saliran untuk mitigasi banjir, kemudahan sukan dan kemudahan masyarakat amnya. Pada tahun 2016, khusus untuk tujuan mitigasi banjir di Parlimen Permatang Pauh sebanyak RM22.47 juta diperuntukkan iaitu untuk pembinaan jambatan baru, rumah pam dan menaik taraf Sungai Rawa yang melibatkan kawasan Padang Lalang, Kg. Permatang Rawa dan kawasan Kampung. Tanah Liat Mukim 20, Taman Guru, di samping keperluan pembiayaan sebanyak RM9.9 juta untuk pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan kemudahan masyarakat lain yang akan disediakan peruntukan yang diperlu.

Dari segi perincian peruntukan Pembangunan yang disediakan untuk sembilan (9) jabatan seperti di Risalah Bil. 5 Tahun 2015, di bawah Maksud Pembangunan P01, Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Maksud Pembangunan P16, Jabatan Kewangan Negeri telah disediakan peruntukan yang bertambah berbanding tahun 2015 untuk pembiayaan projek-projek yang dijelaskan sebentar tadi. Peruntukan Pembangunan yang disediakan bagi tujuh (7) jabatan selainnya adalah hampir sama dengan jumlah peruntukan tahun 2015. Di samping tambahan peruntukan khusus bagi jabatan-jabatan terlibat sama ada di Maksud Pembangunan P01 Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan atau Maksud Pembangunan P16 Jabatan Kewangan Negeri. Sebagai contoh, peruntukan RM38 juta yang disediakan untuk projek mitigasi banjir di bawah Maksud Pembangunan P16 Jabatan Kewangan Negeri dan peruntukan sebanyak RM900,000 untuk projek menaik taraf Masjid Negeri dan RM8.5 juta untuk menyiapkan Mahkamah Syariah Daerah SPT di Maksud Pembangunan P01 Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan.

Kerajaan Negeri menganggarkan hasil yang boleh dikutip dalam tahun 2016 berjumlah RM687,396,910 (Ringgit Malaysia: Enam Ratus Lapan Puluh Tujuh Juta, Tiga Ratus Sembilan Puluh Enam Ribu, Sembilan Ratus Sepuluh) iaitu pertambahan sebanyak RM30.47 juta atau 4.63% berbanding anggaran hasil tahun semasa 2015 sebanyak RM656.93 juta. Punca peningkatan hasil sebanyak RM30.47 juta yang dijangkakan pada tahun 2016 adalah daripada bayaran premium tanah di kawasan Bayan Mutiara, peningkatan hasil keuntungan daripada pelaburan Kerajaan Negeri serta pertambahan hasil-hasil lain.

Mengambil kira Anggaran Hasil tahun 2016 sejumlah RM687.40 juta berbanding perbelanjaan Mengurus sebanyak RM979.53 juta, akan menjadikan Bajet 2016 mengalami defisit sebanyak RM292.13 juta. Jangkaan defisit ini bertambah sebanyak RM61.82 juta berbanding dengan defisit tahun 2015 yang sejumlah RM230.31 juta. Namun mengambil kita kena ingat, kita kena kira janji Kerajaan Negeri yang akan sentiasa berusaha dan berikhtiar untuk melonjakkan pembangunan negeri di samping memastikan kesejahteraan dan kepentingan rakyat sentiasa terjamin, maka bajet berdefisit perlu dilaksanakan. Tetapi kita kena ingat apabila penyata kewangan ditutup kita tidak ada defisit, kita tidak rugi, kita sentiasa untung, tidak ada satu (1) tahun di mana kita ada defisit kerana kita tidak ada satu (1) tahun di mana kita tidak dipuji oleh Anggaran defisit atau kekurangan RM292.13 juta yang dijangka dalam Bajet 2016 akan dibiayai daripada Simpanan Terkumpul Negeri yang berbaki sebanyak RM880.75 juta pada akhir tahun 2014.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2008 selama tujuh (7) tahun berturut-turut, Kerajaan Negeri telah mencadangkan bajet berdefisit. Namun, mengambil kira kemantapan pengurusan kewangan yang telah diterapkan, peningkatan kutipan dan pengurangan tunggakan hasil, amalan perbelanjaan berhemat serta pelaksanaan pengurusan nilai dalam pengurusan projek pembangunan di samping amalan tender terbuka, maka Kerajaan Negeri telah dapat mengakhiri setiap tahun kewangan dengan lebihan atau *surplus*. Lebihan yang terkumpul selama tujuh (7) tahun telah dapat meningkatkan jumlah rizab Kerajaan Negeri daripada RM373.59 juta pada akhir tahun 2007 kepada RM880.75 juta pada akhir tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak RM507.16 juta bersamaan 135.75%. Ini bermakna prestasi kewangan dalam tempoh 7 tahun iaitu dari tahun 2008-2014 dengan lebihan bajet sebanyak RM507 juta adalah lebih baik berbanding tempoh 50 tahun sebelum ini iaitu di antara tahun 1957 - 2007 kelebihan bajet ialah sebanyak RM373 juta. Dalam tujuh (7) Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan meminta adalah lebih baik daripada 50 tahun diperintah oleh Kerajaan Negeri. Saya percaya dengan urus tadbir baik dan tender terbuka, bajet lebihan masih boleh dikekalkan dan diteruskan bukan sahaja untuk tahun tahun lepas, tetapi juga untuk tahun ini, dan sekali lagi untuk tahun depan selagi Kerajaan Negeri Pakatan Harapan memerintah

Seperti mana pada tahun-tahun lepas, tanpa mengambil kira kadar bonus yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan yang lazimnya adalah kurang daripada kadar pemberian Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri akan melaksanakan pemberian bonus setengah bulan gaji lagi untuk tahun 2015 dengan minimum RM700.00 seperti mana yang telah diluluskan pada tahun 2014 dan akan dibayar pada Disember tahun semasa 2015 bukan tahun 2016. Kerajaan Negeri amat prihatian kepada keperluan perbelanjaan tambahan pada akhir tahun, lebih-lebih lagi dengan kenaikan kos sara hidup masa kini dan berharap pemberian bonus ini dapat sedikit sebanyak meringankan bebanan anggota Perkhidmatan Awam Negeri. Tidak terkecuali juga, pemberian bonus pada kadar yang sama seperti Bantuan Khas Kewangan akan turut dipanjangkan kepada Penyelia dan Guru Kafa, Guru Sekolah Agama Rakyat, Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat serta Guru dan Staf Sekolah Persendirian Cina sebanyak RM300.00 seorang dan RM200.00 seorang kepada Guru Tahfiz, Guru Pondok dan Guru Tadika Islam Negeri Pulau Pinang. Pemberian bonus pada Disember 2015 dijangka menelan belanja sebanyak RM5.22 juta.

Dato' Yang di-Pertua, sebagai sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat, Kerajaan Negeri sedia tanggungan kewangan berat rakyat akibat pelaksanaan GST pada 1 April 2015, ini GST sangat jahat, menyebabkan rakyat susah payah, rakyat merana kerana GST dan itulah sebabnya Kerajaan Negeri pun tahu macam mana jahat GST sampai kita buat jalan, buat longkang, buat untuk kemudahan awam, Kerajaan Negeri pun kena Kerajaan Negeri pun kena bayar GST. Ini memang tidak patut sama sekali. Itu sebab sekiranya Pakatan Harapan boleh tumbangkan Barisan Nasional, kita akan hapuskan GST. Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan Negeri terpaksa menanggung bayaran GST yang dianggarkan sebanyak RM46.2 juta setahun. Ini dibayar oleh Kerajaan Negeri telah mengarahkan Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) oleh semua agensi Kerajaan Negeri RM46.2 juta dibayar kepada Kerajaan Pusat, tapi tak dapat balik apa-apa. Kerajaan Negeri telah pun sebelum ini mengarahkan MBPP dan MPSP untuk menanggung beban GST untuk tahun ini, dan saya umumkan bahawa Kerajaan Negeri akan mengarahkan mereka untuk terus menanggung beban GST untuk tahun 2016 bagi pihak rakyat supaya rakyat tidak perlu bayar GST apabila mendapat perkhidmatan daripada MBPP dan MPSP. Ini tanda bahawa kita perlu protes, kita lawan GST bukan secara mulut tetapi dengan cara tindakan supaya bersama dengan rakyat untuk hapuskan GST. Akibat keadaan ekonomi yang gawat bukan sahaja GST tetapi juga penurunan nilai mata wang ringgit untuk mengurangkan lagi beban golongan kurang berpendapatan, Kerajaan Negeri ingin mengumumkan pemberian pengecualian cukai pintu untuk tahun 2016 kepada penghuni-penghuni rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di mana pada tahun 2015. Jumlah keseluruhannya yang akan dimanfaatkan oleh pemilik rumah kos rendah dan sederhana rendah adalah sebanyak RM11,494,135.12.

Tuan Yang di-Pertua kita semua kita anak Malaysia anak Negeri Pulau Pinang. Marilah kita menuju ke arah Pulau Pinang milikan semua yang bersih, hijau, sihat dan selamat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua Dewan, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2016 daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM346,123,190 yang tertera dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2016 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Bilangan 5 Tahun 2015 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam anggaran pada tahun 2016 itu.

Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2016 dan usul Anggaran Pembangunan Tahun 2016 akan bermula pada 16 November 2015 jam 9.30 pagi. Ingin dikesempatan ini saya untuk mengucapkan selamat untuk menyambut Hari Deepavali. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.